

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

1. Apakah status pelaksanaan projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, Balik Pulau?
 - (a) Bilakah tarikh tender dikeluarkan, kerja bermula dan siap disasar?
 - (b) Berapakah kos semasa, sumber peruntukan serta pecahan pakej?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Status pelaksanaan projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, Balik Pulau dalam proses tender.
 - (a) Berikut maklumat berkaitan tender:

Tarikh Tender dikeluarkan : 25/9/2025
Tarikh Tutup Tender : 4/12/2025
Jangka Mula Kerja: Mac 2026
Jangka Siap Kerja: Mac 2030
 - (b) Kos semasa : Status *Property and Casualty* (P&C) iaitu masih dalam peringkat tender.

Sumber Peruntukan: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pecahan Pakej: Tiada

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

2. Senaraikan kampung warisan serta kampung yang sedang dalam permohonan pengiktirafan warisan di Pulau Pinang.
 - (a) Senaraikan kampung warisan yang telah dihapuskan atau dipindahkan.
 - (b) Sejauh manakah projek mega memberi impak terhadap kelestarian kampung warisan tersebut?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. PLANMalaysia telah menjalankan Kajian Pelan Induk Kampung-Kampung Warisan di Pulau Pinang dan menyediakan Pelan Pemeliharaan Pemuliharaan Pengurusan Kampung Warisan untuk memastikan kampung warisan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang kekal terpelihara.

Sehingga kini, terdapat satu (1) pencalonan kampung warisan untuk ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Kampung Melayu Lama Air Itam.

- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod kampung warisan yang telah dihapuskan atau dipindahkan.
- (b) Projek pembangunan berskala besar yang dilaksanakan bagi tujuan pemodenan kawasan khususnya yang melibatkan kampung warisan, sememangnya boleh memberi kesan langsung terhadap kelestarian setempat termasuk integriti,

nilai sosial serta warisan budaya komuniti. Sekiranya kawasan tersebut telah diwartakan sebagai tapak warisan, sebarang pembangunan yang tidak terkawal atau tidak mengambil kira garis panduan pemuliharaan berpotensi menjejaskan nilai keaslian tapak tersebut dan boleh menyebabkan status pewartaannya terjejas atau digugurkan daripada senarai warisan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

3. Senaraikan tanah pertanian yang ditukar status dari tanah pertanian kepada lot perumahan dari 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah syarat khas, kadar premium dan kategori kegunaan perumahan diluluskan?
 - (b) Berapakah pendapatan yang Kerajaan Negeri peroleh daripada pertukaran status ini mengikut tahun?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Jumlah lot tanah pertanian yang ditukar status kepada kediaman atau perumahan mengikut tahun dan jumlah pendapatan Kerajaan Negeri daripada pertukaran status ini adalah seperti berikut:

Bil	Tahun	Jumlah keluasan (meter²).	Jumlah pendapatan (RM).
1.	2020	442,271.6151	14,743,951.20
2.	2021	378,312.0000	6,275,679.31.
3.	2022	232,627.7441	6,353,235.75
4.	2023	69,474.6797	2,415,661.55
5.	2024	418,377.6328	6,666,145.45
6.	2025	322,155.7487	10,930,740.10

Perincian tanah lot pertanian yang ditukar status kepada perumahan mulai tahun 2020 sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kategori kegunaan tanah bagi tujuan perumahan adalah 'Bangunan' dan syarat nyata tanah adalah 'untuk tujuan kediaman sahaja'. Berdasarkan Kaedah 23(4)(i), Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang (Pindaan) 2021, kadar premium bagi permohonan mengubah kategori daripada kategori 'Pertanian' kepada 'Bangunan' adalah sebanyak 15% daripada nilai tanah semasa.

Untuk makluman, bagi tahun 2020 hingga 2024, di bawah Kempen Pemilikan Rumah (*House Ownership Campaign (HOC)*) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 Sehingga Tahun 2024, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan diskaun terhadap kadar premium tambahan bagi permohonan pengubahan kategori penggunaan tanah pertanian kepada bangunan untuk tujuan kediaman/perumahan mengikut perincian yang dinyatakan dalam jadual seperti berikut:

Bil	Versi HOC	Tempoh Kuat Kuasa	Kadar Diskaun
1.	HOC	10.06.2020-09.06.2021	25%
2.	HOC 2.0	10.06.2021-30.06.2022	25%
3.	HOC 2.0 Plus	01.07.2022 - 31.12.2022	50%
4.	HOC 3.0	01.01.2023-31.12.2023	25%
5.	HOC 3.0 Plus	01.01.2024-31.12.2024	25%

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

4. Apakah mekanisme yang dilaksanakan untuk mengatasi banjir kilat di kawasan Air Putih, khususnya susulan pertambahan projek yang dijangka memburukkan keadaan?
- (a) Apakah pelan RTB, skop naik taraf saliran dan garis masa pelaksanaan?
- (b) Berapakah peruntukan, sumber dana dan agensi pelaksana bagi projek ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Antara mekanisme yang dilaksanakan untuk mengatasi kejadian banjir kilat di kawasan pulau, Pulau Pinang khususnya susulan pertambahan projek yang dijangka memburukkan keadaan adalah kawalan perancangan pembangunan dengan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaik taraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh Japan International Corporation Agency (JICA).

Bagi kawasan di luar Bandaraya George Town pula, pemaju-pemaju akan dikenakan syarat untuk menaik taraf sistem saliran yang terlibat berdasarkan kepada Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi Kedua, Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam Daerah Timur Laut dan Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian

tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu supaya air larian dari kawasan pembangunan dilepaskan ke sistem saliran utama secara terkawal dan tidak mendatangkan impak kepada kawasan sekitar.

- (a) Buat masa ini, tiada Rancangan Tebatan Banjir (RTB) khusus untuk kawasan Air Putih di bawah perancangan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP). Walau bagaimanapun, cadangan untuk menaik taraf sistem saliran telah dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya Daerah Barat Daya (JKR DBD), melibatkan pembesaran longkang daripada saiz 600 milimeter (mm) kepada 1,200mm bagi meningkatkan kapasiti aliran air.
- (b) Buat masa ini, tiada perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi pembangunan RTB di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

5. Berapakah pendapatan Stadium Negeri mengikut musim sejak tahun 2022?
- (a) Apakah sokongan kewangan dan tadbir urus kerajaan bagi pengendali stadium?
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam membudayakan penyokong untuk menonton di stadium memandangkan kehadiran kian merosot?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Pendapatan yang dihasilkan dari Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan adalah seperti berikut:

Tahun	Pendapatan (RM)
2022	133,445.00
2023	291,168.10
2024	350,705.20
2025	357,700.60

- (a) Setiap tahun Pihak Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) mendapat geran daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai wang pengurusan untuk mengendalikan pengoperasian PSDKLPP. Antara geran yang diterima adalah untuk pembayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan,

bayaran kontrak perkhidmatan, kos operasi dan utiliti serta cukai.

Tahun	Geran Diterima (RM)
2022	3,000,000.00
2023	5,000,000.00
2024	3,500,000.00
2025	3,500,000.00

- (b) Pihak Pengurusan PSDKLPP berusaha membantu mempromosikan tarikh perlawanan serta bahan-bahan promosi perlawanan di media sosial PSDKLPP. Selain itu, dengan kerjasama bersama pihak Penang FC, tiket perlawanan untuk Piala Presiden dan Piala Belia adalah percuma. Orang awam adalah dibenarkan masuk secara percuma mengikut jadual pembukaan stadium.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

6. Apakah persiapan kerajaan bagi Sukan SEA 2027?
- (a) Di manakah lokasi dan apakah senarai *venue* sukan yang akan digunakan?
 - (b) Bilakah garis masa naik taraf, pembinaan baharu dan ujian pra-acara dilaksanakan?
 - (c) Berapakah kos, sumber peruntukan dan status perolehan setakat ini?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Perancangan ke arah persediaan menghadapi Sukan SEA 2027 masih berada pada peringkat awal penubuhan Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN 2027.
- (a) Setakat ini, penetapan beberapa buah negeri sebagai hos bersama penganjuran Sukan SEA 2027 telah diterima oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia yang terdiri daripada Negeri Sarawak, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) buat masa ini masih belum memuktamadkan lokasi sukan yang akan diguna pakai pada Sukan SEA 2027 kelak.
 - (b) Kerajaan Negeri tidak mensasarkan sebarang pembinaan baharu atau menaik taraf mana-mana lokasi sukan yang

dirancang untuk digunakan semasa Sukan SEA 2027 dan akan menggunakan kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di dalam Negeri Pulau Pinang.

- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan tawaran untuk menjadi hos bersama bagi Sukan Snuker dan Biliard dengan anggaran peruntukan berjumlah RM15 juta. Pada masa ini, tiada sebarang perolehan dilaksanakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

7. Apakah perkembangan terkini projek perumahan sakit di Titi Teras?
- (a) Bilakah garis masa baharu ditetapkan, berapakah kemajuan fizikal semasa dan bila CCC disasarkan?
 - (b) Apakah bantuan kerajaan yang disediakan kepada pembeli projek tersebut, termasuk moratorium ansuran, sewa transit dan bantuan LAD?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan data terkini daripada sistem Transforming & Empowering Data Usage In Housing (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat dua (2) projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek sakit di kawasan Titi Teras dan Sungai Pinang. Projek-projek tersebut ialah Pangsapuri Quinton dan Pangsapuri Sri Bayu, yang dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini mengalami kelewatan melebihi 30% daripada jadual asal atau telah melampaui tempoh Perjanjian Jual Beli (PJB). Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah pemulihan dan pemantauan berterusan bagi memastikan kemajuan pembinaan dapat dipertingkatkan serta penyiapan projek dapat dicapai mengikut sasaran.
- (a) Sehingga kini, kemajuan fizikal bagi Pangsapuri Quinton telah mencapai 71.11%, manakala Pangsapuri Sri Bayu

telah mencapai 89.7%. Garis masa baharu bagi kedua-dua projek ini sedang diselaraskan bersama pihak pelikuidasi bagi pihak pemaju, serta Rakan Pembiayaan yang berkaitan di bawah pemantauan Kerajaan Negeri. Sasaran terkini adalah untuk menyiapkan kedua-dua projek berkenaan sepenuhnya dan memperoleh Sijil Penyiapan Kerja (Certificate of Practical Completion- CPC) pada sukuan keempat tahun 2026, tertakluk kepada kelulusan pelan tindakan pemulihan serta kelancaran pelaksanaan kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan.

- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan projek-projek perumahan sakit dan terbengkalai dapat dihidupkan semula. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap kebajikan rakyat, telah mengambil langkah proaktif dengan melantik rakan pembiayaan bagi melaksanakan kerja-kerja pemulihan projek-projek berkenaan supaya kepentingan pembeli terus terpelihara.

Pada masa ini, tumpuan utama Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan sepenuhnya dan diserahkan kepada pembeli dalam tempoh yang munasabah. Sehubungan dengan itu, bantuan khusus seperti moratorium ansuran, bantuan sewa transit atau pampasan Liquidated Assessment Damages (LAD) tidak disalurkan secara langsung oleh pihak Kerajaan Negeri. Justeru itu, tumpuan sepenuhnya diberikan kepada pelaksanaan pelan pemulihan projek agar projek dapat disiapkan dan unit dapat diserahkan kepada pembeli dengan segera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

8. Apakah status terkini pembinaan asrama pekerja asing di Teluk Kumbar?
- (a) Apakah status penilaian impak sosial (SIA) projek ini?
 - (b) Apakah mitigasi keselamatan dan trafik bagi kejiranan sekitar?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

8. Sehingga kini hanya terdapat satu (1) permohonan Kebenaran Merancang No. MBPP/OSC/PM513/2023 bagi cadangan mendirikan satu (1) blok bangunan asrama pekerja 27 tingkat (512 unit) di atas Lot 1859, 1860 & 1865, Tingkat Teluk Kumbar, Mukim 9, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang telah dikemukakan oleh Tetuan Chong Company Sdn. Bhd. Kebenaran Merancang (Borang C1) telah diluluskan pada 29 November 2023 dan masih sah sehingga kini serta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan manakala Pelan Bangunan pula telah diluluskan pada 14 Ogos 2024. Walau bagaimanapun, sehingga kini permohonan Kebenaran Mula Kerja (COW) masih belum dikemukakan oleh pemaju.
- (a) Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) untuk tetuan Chong Company Sdn. Bhd. telah diluluskan pada 10 November 2023 dan kelulusan bagi Laporan SIA ini adalah sah sehingga 10 November 2025. Secara ringkasnya, hasil

Laporan Kajian SIA mengesyorkan supaya permohonan cadangan asrama pekerja yang bertujuan untuk menempatkan pekerja asing di penempatan khusus dengan persekitaran yang tersusun dan dikawal oleh pengurus asrama ini dibenarkan. Segala penemuan jangkaan impak negatif dari borang soal selidik dan *Focus Group Discussion* (FGD) telah dinilai dan kemudiannya langkah-langkah mitigasi telah dicadangkan melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang sistematik dan boleh dilaksanakan. Ini penting bagi memastikan Projek Asrama Pekerja Teluk Kumbar memberi faedah kepada semua pihak berkepentingan serta mengurangkan impak buruk yang dijangka berlaku dari pelbagai aspek dalam jangka masa panjang.

- (b) Sebagai langkah dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan komuniti setempat, pihak pemaju hendaklah melaksanakan langkah-langkah mitigasi keselamatan seperti berikut:
- (i) Penetapan peraturan khas bagi mengawal tingkah laku penghuni dan mengawal pergerakan keluar masuk pekerja asing bagi mengelakkan konflik dengan penduduk sekitar;
 - (ii) Pemilihan pekerja asing adalah melalui tapisan ketat di mana individu mempunyai rekod jenayah lampau tidak diterima untuk bekerja;
 - (iii) Pemantauan keselamatan dalaman 24 jam dijalankan sepanjang tempoh pengoperasian;
 - (iv) Pemantauan keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berkala;
 - (v) Penyediaan sistem biometrik untuk akses keluar/masuk penghuni dari asrama;
 - (vi) Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di persimpangan Teluk Kumbar/Tingkat Teluk Kumbar; dan

- (vii) Pelaksanaan langkah pengawalan kesihatan dan kebersihan kejuruan secara berterusan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat.

Manakala bagi mengurangkan impak terhadap aliran trafik sedia ada, pihak pemaju hendaklah melaksanakan langkah-langkah mitigasi trafik seperti berikut:

- (i) Pelebaran lorong lalu lintas (*carriageway*) di Tingkat Teluk Kumbar ke 33 kaki dari pintu masuk/keluar tapak pembangunan sehingga ke Jalan Teluk Kumbar;
- (ii) Menaik taraf persimpangan Jalan Gertak Sanggul/ Jalan Teluk Kumbar dengan memasang satu sistem lampu isyarat serta mewujudkan dua (2) lorong terus dari arah selatan ke utara Jalan Teluk Kumbar, berserta satu (1) lorong khas untuk belokan kiri menuju ke Jalan Gertak Sanggul. Selain itu, dua (2) lorong pergerakan terus dari arah utara ke selatan Jalan Teluk Kumbar serta satu (1) lorong khas untuk belokan kanan ke Jalan Gertak Sanggul turut perlu dibina;
- (iii) Menyediakan satu (1) lorong pecutan (*acceleration lane*) di Jalan Teluk Kumbar bagi kenderaan yang membelok ke kiri dari Jalan Gertak Sanggul serta satu (1) lorong penggabungan (*merging lane*) bagi kenderaan yang membelok ke kanan dari Jalan Gertak Sanggul ke Jalan Teluk Kumbar; dan
- (iv) Pelebaran Jalan Gertak Sanggul berhampiran persimpangan Jalan Teluk Kumbar perlu dilebarkan kepada empat (4) lorong lalu lintas bagi melancarkan aliran trafik di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

9. Apakah dasar kerajaan menyokong atau membantu peniaga kecil di tepi jalan?
- (a) Apakah SOP pelaksanaan pemutihan dan pelesenan semula dilaksanakan?
 - (b) Adakah moratorium tindakan semasa proses pemutihan dikuatkuasakan?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa prihatin terhadap isu yang melibatkan peniaga kecil dan sentiasa mencari alternatif bagi membantu golongan ini dalam memastikan aktiviti perniagaan yang diuruskan berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, PBT harus memastikan dan memberi perhatian yang serius dalam aspek keselamatan, kebersihan, lalu lintas dan pematuhan terhadap undang-undang berkuat kuasa bagi menjamin kesejahteraan semua pihak dapat dipelihara. Berikut merupakan beberapa inisiatif yang diambil oleh PBT untuk membantu peniaga kecil iaitu:
- (i) Sementara menunggu kekosongan tersebut, melaksanakan sistem *tagging* kepada penjaja/peniaga kecil terlibat bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan operasi perniagaan mereka secara sementara;

- (ii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temu duga ruang niaga yang diadakan setiap bulan;
- (iii) Mengenal pasti lokasi dan menyediakan penempatan semula khusus bagi golongan tersebut;
- (iv) Meluluskan banyak penganjuran pasar malam bagi memberi ruang kepada peniaga/penjaja tanpa lesen menyertai pasar malam;
- (v) Memudahkan proses pengeluaran lesen/permit melalui kaedah permohonan yang dibuat secara dalam talian termasuk sesi temu duga sebagai kemudahan kepada golongan penjaja kecil tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat dan masa menunggu yang agak lama untuk proses temu duga;
- (vi) Membantu dalam memudahkan proses pengeluaran lesen/permit kepada penjaja/peniaga kecil iaitu dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;
- (vii) Mewujudkan garis panduan yang boleh diakses melalui laman web PBT untuk dijadikan panduan kepada penjaja/peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan; dan
- (viii) Memperkenalkan lesen trak bergerak/kenderaan bermotor bagi memudahkan para penjaja/peniaga kecil untuk berniaga tanpa menggunakan struktur binaan kekal.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan program pemutihan dan pelesenan semula penjaja secara sistematik dengan langkah-langkah berikut:
 - (i) Mengenal pasti lokasi dan status tanah yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak pemutihan;
 - (ii) Menjalankan bancian bagi merekod penjaja/peniaga kecil yang berniaga tanpa lesen di sekitar kawasan cadangan;

- (iii) Mengadakan lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan dan jabatan teknikal berkaitan untuk menilai kesesuaian tapak;
 - (iv) Menyediakan kertas cadangan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasaan PBT bagi mendapatkan kelulusan penempatan;
 - (v) Memindahkan penjaja/peniaga kecil yang telah dibanci ke tapak pemutihan yang diluluskan di mana mereka dikehendaki memohon lesen bagi membolehkan perniagaan dijalankan secara sah dan teratur; dan
 - (vi) Melaksanakan pemantauan berkala di tapak pemutihan bagi memastikan kepatuhan terhadap peraturan termasuk memastikan tiada penjaja tanpa lesen atau berniaga di luar kawasan yang dibenarkan.
- (b) Tindakan penguatkuasaan akan ditangguhkan sementara bagi memberi ruang kepada penempatan semula penjaja/peniaga kecil dilaksanakan sepenuhnya. Tindakan penguatkuasaan hanya akan dilaksanakan selepas proses perpindahan tersebut disempurnakan sepenuhnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

10. Apakah usaha Kerajaan Negeri mengawal harga barang memandangkan semakin banyak subsidi ditarik balik?
- (a) Apakah kaedah pemantauan dan tindakan anti-pencatutan?
- (b) Apakah saluran aduan rakyat dan tempoh respon minimum?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Urusan kawalan harga dan tindakan anti-pencatutan tidak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, tetapi diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri terus bekerjasama rapat dengan KPDN bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan barangan keperluan di Pulau Pinang.

(a) Kaedah Pemantauan dan Tindakan Anti-Pencatutan

Antara langkah pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh KPDN di seluruh negeri termasuklah:

(i) Penguatkuasaan Undang-Undang Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan

- 1) Penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011).
- 2) Notis bertulis dikeluarkan di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 kepada mana-mana pihak yang menaikkan harga secara mendadak untuk mendapatkan maklum balas dan menentukan sama ada wujud unsur pencatutan.

(ii) Pemantauan dan Operasi Penguatkuasaan di Lapangan

- 1) Melalui Ops Kesan, pemeriksaan agresif dilaksanakan meliputi seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negeri.
- 2) Di Pulau Pinang, pemeriksaan telah dijalankan melibatkan 356 premis dan 1,780 barangan bagi membendung kenaikan harga tidak munasabah.

(iii) Pelaksanaan Skim Harga Maksimum dan Penetapan Harga Terkawal

- 1) KPDN menetapkan harga maksimum bagi barangan keperluan seperti minyak masak tulen kemasan botol, gula pasir putih bertapis, topeng muka, kit ujian COVID-19, gas LPG, petrol RON95 dan diesel.
- 2) Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) turut dilaksanakan bagi mengawal harga barangan tertentu semasa musim perayaan utama.

(iv) Libat Urus dan Kolaborasi Antara Agensi

- 1) Program libat urus dijalankan bersama peniaga untuk memberi khidmat nasihat dan meningkatkan pematuhan terhadap undang-undang kawalan harga.
- 2) Kerjasama juga dijalankan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan harga kekal stabil.

(v) Peningkatan Kehadiran Pegawai Penguat Kuasa (Omnipresence)

- 1) Kehadiran pegawai penguat kuasa dipertingkatkan di kawasan tumpuan pengguna bagi memastikan persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.

(b) Saluran Aduan Rakyat dan Tempoh Respon Minimum

Bagi memudahkan rakyat menyalurkan aduan berkaitan harga barang, pencatutan atau kekurangan bekalan, KPND menyediakan pelbagai saluran rasmi seperti berikut:

- (i) Hotline KPND: 1-800-88-6800
- (ii) Portal eAduan: <https://eaduan.kpnd.gov.my>
- (iii) WhatsApp: 019-848 8000
- (iv) QR Aduan Suri
- (v) Kaunter Aduan / Pertanyaan:
Di Pejabat KPND Negeri dan Pejabat Cawangan

Tempoh tindakan:

- (i) Aduan berkaitan harga dan barangan kawalan akan disiasat dalam masa 24 jam.
- (ii) Aduan lain akan disiasat dalam tempoh maksimum 14 hari bekerja, bergantung kepada tahap keseriusan aduan.

Kerajaan Negeri akan terus memberikan kerjasama penuh kepada KPDN dalam melaksanakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan bagi melindungi pengguna serta memastikan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang terjamin.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

11. Senaraikan projek rundingan terus yang diberikan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2020 hingga kini.
- (a) Siapakah penerima, berapakah nilai kontrak dan apakah skop kerja?
 - (b) Apakah dasar Kerajaan Negeri berkaitan projek rundingan terus?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

11. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Kewangan Negeri (JKN), mulai tahun 2020 hingga kini sebanyak 27 projek telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi pelaksana.

Anggaran pecahan projek-projek berdasarkan agensi pelaksana adalah seperti berikut:

- (i) 60% - Jabatan Kerja Raya (JKR);
- (ii) 20% - Bahagian Perumahan (Kini dikenali sebagai Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang); dan
- (iii) 20% - Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Perbadangan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dan George Town Conservation and Development Corporation (GT CDC).

Nilai keseluruhan kontrak yang terlibat dianggarkan sekitar RM100 juta, dengan julat nilai kontrak adalah melebihi RM20 ribu hingga RM56 juta.

Skop kerja bagi projek-projek tersebut secara umumnya meliputi:

- (i) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan lif serta kemudahan awam di perumahan awam negeri;
- (ii) Pembaikan, penyelenggaraan dan kerja pembaikan cerun bagi menjamin keselamatan awam;
- (iii) Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf bangunan Kerajaan termasuk kediaman rasmi TYT;
- (iv) Kerja-kerja pengalihan utiliti dan penyediaan infrastruktur sokongan bagi pelaksanaan projek strategik; dan
- (v) Pembangunan dan pemuliharaan warisan serta kemudahan pelancongan, khususnya di kawasan Bukit Bendera dan George town.

Senarai kontraktor serta maklumat projek adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

- (b) Kerajaan Negeri melaksanakan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia serta pertimbangan khas yang diluluskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Secara dasarnya, kelulusan rundingan terus dipertimbangkan berdasarkan kepada kriteria berikut:

- (i) Faktor kesegeraan demi kepentingan awam dan keselamatan;
- (ii) Penyeragaman sistem, peralatan atau alat ganti sedia ada;

- (iii) Projek yang melibatkan kawasan larangan, keselamatan atau sensitif;
- (iv) Pembekalan oleh pengeluar atau pembekal tunggal; dan
- (v) Kelulusan khas Kerajaan Negeri bagi projek strategik.

Setiap permohonan rundingan terus yang dikemukakan oleh jabatan pelaksana akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Jabatan Kewangan Negeri (JKN) untuk kelulusan. Bagi perolehan projek, penilaian teknikal dan kewajaran harga oleh JKR menjadi asas penting kepada pertimbangan dan kelulusan JKN, terutama bagi projek yang dilaksanakan di bawah seliaan JKR. Pelaksanaan rundingan terus juga adalah tertakluk kepada penilaian keupayaan syarikat dan rundingan harga yang telus bagi memastikan harga yang dipersetujui adalah munasabah dan memberi nilai faedah terbaik kepada Kerajaan Negeri.

Walaupun pelaksanaan rundingan terus adalah dibenarkan berdasarkan kriteria tertentu, Kerajaan Negeri komited memberi penekanan kepada kaedah tender terbuka sebagai mekanisme utama perolehan bagi menjamin persaingan sihat, ketelusan dan integriti dalam pengurusan kewangan awam di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK YANG DILULUSKAN SECARA RUNDINGAN TERUS DI BAWAH KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG DARI TAHUN 2020-2025

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
1.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Dewan Sri Pinang, DTL Pulau Pinang (Dewan Persidangan Sementara).	64,000.00	4 minggu	Syarikat Hikmah Hayat Enterprise	i. Memasang keseluruhan platform ruang sidang media dan backdrop ii. Memasang permaidani sedia ada di keseluruhan platform dewan persidangan iii. Membaiki mana- mana permukaan dinding, lantai, siling yang pecah dan rosak di bilik
2.	Kerja-Kerja Pembaikan Lif No. 1 di Rumah Pangsa Tembak Blok J, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	29,318.60	2 bulan	Syarikat Titi Maju Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Pembaikan Lif No. 1 di Rumah Pangsa Padang Tembak Blok J, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

3.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif Bagi Dua (2) Unit Lif Di Perumahan Rakyat (PPR) Mak Mandin, Butterworth, Pulau Pinang.	102,960.00	52 bulan	Eita Elevator (M) Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif Bagi Dua (2) Unit Lif Di Program Perumahan Rakyat (PPR) Mak Mandin, Butterworth, Pulau Pinang.
----	--	------------	----------	-----------------------------	--

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
4.	Kerja-Kerja Membaiki Dan Mengecat Semula Keseluruhan Permukaan Luar Dinding, Tiang, Pintu Dan Tingkap Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Laluan Berbumbung dan Bangunan Kediaman TYT Seri Mutiara, Pulau Pinang.	181,000.00	3 bulan	Damai Abadi Enterprise	i. Kerja-kerja membaiki dan mengecat semula bangunan kediaman TYT ii. Kerja-kerja membaiki dan mengecat semula Laluan Berbumbung
5.	Kerja-kerja Pembaikan Lima (5) Unit Lif Di Taman Kumbang Permai, Bayan Lepas, Pulau Pinang.	86,192.00	3 bulan	KONE Elevator (M) Sdn. Bhd	Kerja-kerja Pembaikan Lima (5) Unit Lif Di Taman Kumbang Permai, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

6.	<p>Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Semula Garaj Kenderaan TYT Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Seri Mutiara, Pulau Pinang.</p>	496,000.00	3 bulan	<p>Excellent Engineering Venture Sdn. Bhd.</p>	<p>i. Kerja-kerja meroboh keseluruhan bangunan garaj kenderaan TYT sedia ada termasuk pendawaian elektrik dan mekanikal</p> <p>ii. Kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah bangunan 1 tingkat garaj kenderaan TYT</p>
----	---	------------	---------	--	---

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
7.	Kerja Kecemasan Bagi Pembaikan Cerun Runtu Di Antara Kawasan CH1410-CH1450, Landasan Funikular, Bukit Bendera, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	1,508,257.90.00	3 bulan	Teroka Jaya Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> i. Preliminaries ii. Design and consultant fees iii. Soil investigation, geophysical survey and geotechnical iv. Slope stabilisation works
8.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Dewan Sri Pinang, DTL, Pulau Pinang (Dewan Persidangan Sementara).	65,500.00	1 bulan	Hikmah Hayat Enterprise	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Pembaikan Di Dewan Sri Pinang, DTL, Pulau Pinang (Dewan Persidangan Sementara)

9.	Kerja-Kerja Pembaikan Bumbung Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Seri Teratai, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	241,000.00	5 minggu	Teluk Daya Sdn. Bhd.	<p>i. Menanggal keseluruhan kemas bumbung jubin genting, kerangka bumbung kayu batten</p> <p>ii. Membaik pulih stuktur bumbung kerangka kekuda</p> <p>iii. Membekal dan memasang lapisan aluminium foil dan lapisan aluminium</p>
----	---	------------	----------	----------------------	---

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
10.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif bagi empat (4) lif di PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang.	210,000.00	5 tahun	Dover Elevators (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lif Secara Komprehensif bagi empat (4) lif di PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang.
11.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Taman Mesra Indah, SPU, Pulau Pinang.	29,700.00	2 bulan	KONE Elevator (M) Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Dua (2) Unit Lif di Taman Mesra Indah, SPU, Pulau Pinang.
12.	Kerja-Kerja Pembaikan Sebuah Loji Berat Backhoe John Deere Model 310K, No. Pendaftaran PMF 4462.	74,000.00	3 bulan	DM Equipment Sdn. Bhd.	Membekal, memasang, pembaikan, mengujiterima dan mentauliah loji jentera berat backhoe PMF 4462.

13.	Kerja-Kerja Tambahan, Penyelenggaraan Dan Membaik Pulih Sesebuah 2 Tingkat (1 Unit) Di Atas Lot 9851, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Solok Bukit Jambul 2, Pulau Pinang Untuk YAB Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas.	2,435,850.00	6 bulan	Nyaman Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja awalan ii. Pemasangan CCTV alarm system iii. Pembaikan dinding dalaman dan luaran iv. Build in furniture v. Sistem pemasangan solar vi. Pest controller
-----	--	--------------	---------	------------------	---

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
14.	Kerja Membaikpulihan Cerun Runtuh Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pusat Falak Sheikh Tahir, Jalan Pantai Aceh, Balik Pulau, Pulau Pinang.	2,174,236.20	4 bulan	Nilam Teknik Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja tanah dan pembersihan tapak iii. Kerja-kerja penstabilan cerun
15.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Pejabat Operasi Bukit Bendera Dan Kerja-Kerja Pengukuhan Cerun Serta Kerja-Kerja Berkaitan, JKR Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	667,377.61	3 bulan	Zaimi Yusoff Enterprise	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja tanah dan pembersihan tapak iii. Kerja-kerja penstabilan cerun menggunakan kaedah tie back wall iv. Kerja-kerja membina akses pejalan kaki
16.	Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penyaman Udara Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Bangunan Seri Mutiara, Pulau Pinang.	1,907,900.00	9 minggu	BLT Engineering & Enterprise	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja pemasangan penghawa dingin iii. Kerja-kerja sivil yang berkaitan

17.	Kerja-Kerja Pembaikan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kediaman Rasmi Tuan Yang Terutama, Seri Mutiara, Pulau Pinang.	8,400,000.00	4 bulan	Najcom Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja pembaikan struktur iii. Kerja-kerja sivil yang berkaitan
-----	---	--------------	---------	------------------	--

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
18.	Kerja-Kerja Menggantikan Paip Flum Sediada Di Taliair Utama (Parit Buang Kg Indera Muda Ke Parit Buang Pokok Asam) Skim Pengairan Sungai Kulim, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	145,010.00	10 minggu	Warisan MYO Enterprise	<ul style="list-style-type: none"> i. Kerja-kerja awalan ii. Kerja-kerja meroboh paip sedia ada iii. Kerja-kerja membekalkan paip GI 500mm diameter ke tapak bina
19.	Cadangan Pengalihan Laluan Utiliti Sediada TNB Dengan Menggantikan Kabel 33KV, Kabel 11KV, Kabel Talian Atas, Tiang Konkrit Dan Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Bagi Cadangan Projek Pelebaran Jalan Dan Menaiktaraf Jalan Dari Satu Lorong Ke Dua Lorong Dari Jalan Perusahaan Hingga Ke Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Tok Kangar, SPT, Pulau Pinang (Fasa 2).	557,456.00	4 bulan	Viewplex (M) Sdn. Bhd.	Kerja-kerja elektrik dan mekanikal pengalihan utiliti sediada TNB di tapak bina

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
20.	Pembaikan Dan Penggantian Sistem Penyaman Udara Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Tapak Pesta Pulau Pinang.	1,184,000.00	2 bulan	Syarikat Daya Potensi Sdn. Bhd.	<p>i. Kerja pembaikan di Dewan A termasuk kerja-kerja penggantian unit kendalian udara AHU, sistem pendawaiaan</p> <p>ii. Kerja pembaikan di Dewan Badminton termasuk kerja-kerja penggantian unit penyaman udara jenis package, sistem pendawaiaan</p> <p>iii. Kerja pembaikan di Dewan C</p>
21.	Kerja-Kerja Penggantian Lampu Hiasan, Lampu Kawasan, Lampu Pintu Gerbang Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang.	515,000.00	6 minggu	Depernas Enterprise	<p>i. Kerja-kerja awalan</p> <p>ii. Kerja-kerja pemasangan lampu hiasan, lampu kawasan dan lampu pintu gerbang</p> <p>iii. Kerja-kerja pemasangan elektrik</p> <p>iv. Kerja-kerja ujiterima</p>

22.	Kerja-Kerja Tambakan Water Body A Di Projek Pembangunan Gurney Bay Pulau Pinang.	23,700,000.00	18 bulan	TPJ Engineering Sdn. Bhd.	Kerja-Kerja Tambakan Water Body A Di Projek Pembangunan Gurney Bay Pulau Pinang.
-----	--	---------------	----------	---------------------------	--

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
23.	Kerja-Kerja Pembaikan Cerun Akibat Tanah Runtuh Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Pintasan Pemancar 3, Taman Tun Sardon, Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	795,000.00	6 bulan	Bina Mas Enterprise	<p>i. Kerja-kerja awalan dan penyiasatan tanah</p> <p>ii. Kerja-kerja tanah dan pembersihan tapak</p> <p>iii. Kerja-kerja pembaikan cerun</p>
24.	Kerja-Kerja Penyediaan Pameran di Sepuluh (10) Ruang Simpanan (Store Room) dan Satu (1) Bilik Orientasi dan Teater Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang.	1,030,000.00	6 bulan	Jayamas Property Construction Sdn. Bhd	Kerja-kerja penyediaan bahan produksi/ panel info secara digital, pemasangan platform serta peragaan bahan pameran.
25.	Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Membaiki di Seri Mutiara, DTL, Pulau Pinang.	490,000.00	14 Minggu	AME Hijrah Enterprise	Kerja-Kerja Menaik taraf dan Membaiki di Seri Mutiara, DTL, Pulau Pinang.

BIL	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	KONTRAKTOR	SKOP
26.	Pembekalan Komponen Bailey Bridge Jenis ACROW 700XS Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan.	128,000.00	4 bulan	GTA Vision Sdn. Bhd.	<p>i. Membekal komponen bailey bridge</p> <p>ii. Latihan pemasangan bailey bridge</p>
27.	Projek Pengambilalihan Skop Kerja Pembinaan Struktur Keluli Bumbung Termasuk Pusat Penjaja (Hawker Center) Melalui Lantikan Tender Baru dan Kerja-Kerja Berkaitan.	56,400,000.00	78 Minggu	Kerjaya Prospek (M) Sdn. Bhd.	Pengambilalihan Skop Kerja Pembinaan Struktur Keluli Bumbung Termasuk Pusat Penjaja (Hawker Center) Melalui Lantikan Tender Baru dan Kerja-Kerja Berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

12. Sejauh manakah kerajaan mengkaji justifikasi dan impak kenaikan cukai tanah serta cukai pintu terhadap komuniti Melayu?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

12. (i) Cukai Tanah

Kerajaan Negeri tidak memiliki data pemilikan tanah mengikut etnik. Rekod hak milik tanah dalam dokumen rasmi hanya merangkumi jenis hak milik, tempoh pegangan, kategori kegunaan tanah, syarat nyata kegunaan, serta sekatan kepentingan.

Sehubungan itu, semua kajian justifikasi dan analisis impak kenaikan cukai tanah dilaksanakan berdasarkan lokasi kawasan (bandar dan desa), kategori kegunaan tanah, serta syarat nyata tanah. Penekanan utama diberikan kepada bangunan kediaman, khususnya rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah, bagi memastikan kadar kenaikan cukai tanah adalah minimum dan tidak membebankan rakyat.

Kenaikan cukai tanah sememangnya memberi kesan kepada semua pemilik tanah. Namun begitu, bagi mengurangkan beban dan memastikan kesannya kekal minimum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa langkah mitigasi termasuk pemberian pengecualian dan rebat cukai tanah kepada kumpulan sasaran.

Golongan B40 dan mereka yang berada di bawah paras kemiskinan terus diberikan perlindungan melalui dasar-dasar sedia ada agar tidak terkesan secara langsung. Selain itu, bayaran minimum cukai tanah turut diperkenalkan bagi tanah milikan individu yang berkeluasan 1,000 kaki persegi dan ke bawah, sebagai langkah untuk menjamin keadilan kepada pemilik tanah berskala kecil.

(ii) Cukai Pintu

Sehingga kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) belum bercadang untuk melaksanakan sebarang kenaikan cukai pintu. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pelarasan kadar cukai pintu pada masa hadapan, pelaksanaannya akan dibuat selaras peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Akta 171 tidak mengambil kira perbezaan kaum dalam menentukan justifikasi atau impak kenaikan cukai pintu. Formula pengiraan cukai telah diperincikan di bawah Seksyen 2 Akta 171, yang mentakrifkan sewa tahunan sebagai:

Anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka diperolehi dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insurans, penyenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar dan cukai awam.

Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa menyemak dan menilai justifikasi serta impak terhadap keseluruhan komuniti dan penduduk di Pulau Pinang sekiranya sebarang pelarasan kadar cukai pintu dilaksanakan pada masa hadapan, bagi memastikan keputusan yang diambil adalah adil, berimbang dan tidak membebankan rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

13. Apakah status terkini Projek Sungai Nipah yang dilaporkan air tidak mengalir akibat tiada penyelenggaraan?
- (a) Bilakah kerja penyelenggaraan terakhir dilakukan dan agensi manakah yang bertanggungjawab?
 - (b) Apakah langkah kerajaan mengelak risiko banjir akibat air pasang besar di sini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Sungai Nipah pada tahun 2025. Antara kerja yang dilaksanakan adalah kerja-kerja pengorekan dan pembersihan sungai. Ini adalah bagi memastikan aliran air sungai dapat mengalir dengan lancar dan tidak terganggu. Kerja ini telah dilaksanakan pada bulan Mei 2025. Kerja rutin penyelenggaraan ini hanya dapat dilaksanakan berdasarkan kepada jumlah peruntukan tahunan yang diperolehi.
- (a) Kerja penyelenggaraan terkini yang telah dilaksanakan di Sungai Nipah adalah pada 26 Oktober 2025.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui JPSPP sentiasa bersedia menghadapi musim tengkujuh dan fenomena air pasang. JPSPP meletakkan pam-pam bergerak di lokasi strategik untuk mengepam air keluar apabila berlakunya fenomena

air pasang. Selain itu, Bilik Gerakan banjir JPSPP akan diaktifkan apabila musim tengkujuh dan fenomena air pasang untuk memberi maklumat awal mengenai amaran paras sungai kepada agensi-agensi berkaitan untuk bersiap siaga.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

14. Senaraikan projek Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang.
- (a) Apakah dasar harga Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang?
 - (b) Apakah definisi mampu milik berasaskan pendapatan median dan nisbah harga / pendapatan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Senarai Projek Rumah Mampu Milik, yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) di Pulau Pinang, adalah seperti yang disenaraikan di LAMPIRAN A.
- (a) Dasar harga RMcKu di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

KATEGORI	HARGA	HAD PENDAPATAN ISI RUMAH
RMKu A	RM42,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM2,500.00
RMKu B1	RM72,500.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM3,500.00

KATEGORI	HARGA	HAD PENDAPATAN ISI RUMAH
RMKu B2	RM100,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM5,000.00
RMKu C1	RM150,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM8,000.00
RMKu C2	RM200,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM10,000.00
RMKu C3	RM300,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM12,000.00
RMKu D	RM400,000.00	Pendapatan Suami Dan Isteri Tidak Melebihi RM15,000.00

- (b) Rumah Mampu Milik secara umumnya didefinisikan sebagai kediaman yang memenuhi keperluan asas dan mampu dimiliki oleh isi rumah berdasarkan tahap pendapatan mereka (*United Nations Human Settlements Programme, UN-HABITAT, 2011*). Sesebuah rumah kediaman dianggap mampu milik apabila harga jualannya adalah sepadan dengan kemampuan isi rumah berdasarkan pendapatan median.

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Tahun 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), purata pendapatan isi rumah di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM6,502.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Lima Ratus Dua sahaja). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan had pendapatan isi rumah bagi kategori harga RMKu yang merangkumi RMKu Jenis A dan RMKu Jenis B supaya berada di bawah paras purata pendapatan negeri.

Penetapan ini bertujuan untuk memastikan penawaran perumahan di bawah Program RMKu mencukupi bagi pelbagai lapisan masyarakat, khususnya golongan

berpendapatan rendah dan sederhana, agar tiada kumpulan yang terpinggir daripada peluang memiliki kediaman mampu milik di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

**SENARAI PROJEK RUMAH MUTIARAKU (RMKU) A, B & C PULAU PINANG
SENARAI PROJEK RMKU A, B DAN C SIAP DAN TERIMA SIJIL LAYAK MENDUDUKI (OC) / SIJIL
PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SEJAK TAHUN 2008**

DAERAH TIMUR LAUT (DTL)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2008	DTL	TAMAN SERINA	A
2	2008	DTL	TAMAN SERINA	B
3	2008	DTL	DESA INDAH	B
4	2008	DTL	TAMAN PERMAI JAYA	B
5	2009	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	A
6	2009	DTL	NIPAH COURT	A
7	2009	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	B
8	2009	DTL	PALM COURT	B
9	2009	DTL	AMAN SRI AMAN C1	B
10	2009	DTL	BUKIT BI	B
11	2009	DTL	PUNCAK ERSKINE	B
12	2009	DTL	PINANG COURT	B
13	2010	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	A
14	2010	DTL	TAMAN SERI TANJONG	A
15	2010	DTL	TAMAN SINAR PELANGI	B
16	2010	DTL	TAMAN SRI AMAN C2	B
17	2010	DTL	TAMAN SRI SAUJANA	B
18	2012	DTL	HALAMAN KENANGA	A
19	2012	DTL	HALAMAN KENANGA	B
20	2012	DTL	THE PULSE	B
21	2012	DTL	TAMAN PELANGI INDAH	B
22	2012	DTL	PALM COURT	B
23	2014	DTL	SHINEVILLE	B
24	2014	DTL	TAMAN BUKIT ERSKINE	B
25	2014	DTL	HALAMAN KRISTAL	B
26	2015	DTL	CRNTRIO AVENUE	B
27	2017	DTL	SELASIH COURT	B
28	2018	DTL	EGARDEN	B
29	2018	DTL	TRIPINNACLE	B
30	2018	DTL	TRIPINNACLE	C
31	2018	DTL	TAMAN GEMA INTAN	B
32	2018	DTL	TAMAN SKYRIDGE	B
33	2018	DTL	TAMAN SKYRIDGE	C
34	2018	DTL	ICONIC VUE	C
35	2020	DTL	ISANTORINI	C
36	2020	DTL	SP CHELLIAH	B
37	2019	DTL	SP CHELLIAH	C
38	2017	DTL	ARTIS 3	B
39	2021	DTL	332, 407 DAN 460, SEKSYEN 1 BATU FERINGGI, BATU FERINGGI, DTL	B
40	2021	DTL	THE STONE	C
41	2017	DTL	GRANITO	C
42	2018	DTL	THE ZEN	C
43	2019	DTL	THE DEW	C
44	2020	DTL	IDEAL RESIDENSI (1)	C

DAERAH BARAT DAYA (DBD)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2008	DBD	SAUJANA PERMAI	A
2	2010	DBD	PANGSAPURI BAYAN INDAH	A
3	2011	DBD	TAMAN FREESIA	A
4	2011	DBD	DESA NIPAH (LEMBAMAN)	A
5	2012	DBD	IDAMAN MELUR	A
6	2012	DBD	SETIA VISTA	A
7	2013	DBD	KUALA SG. PINANG	A
8	2013	DBD	TAMAN I PARK	A
9	2014	DBD	SETIA VISTA	A
10	2014	DBD	TAMAN FREESIA	A
11	2014	DBD	SRI AKASIA	A
12	2015	DBD	IDAMAN SEROJA	A
13	2015	DBD	TAMAN SERI ANGGUN	A
14	2016	DBD	BAYU NYAMAN	A
15	2016	DBD	PRESTIGE 3	A
16	2016	DBD	IDAMAN SELASIH	A
17	2016	DBD	IDAMAN SELASIH	B
18	2017	DBD	RIMBUN PANGSAPURI	A
19	2017	DBD	KEJORA	A
20	2017	DBD	SURIA MERBAH	A
21	2018	DBD	TAMAN RIA	A
22	2018	DBD	SUNWAY CASSIA/DESA KAYU MANIS	A
23	2018	DBD	TAMAN RIA	B
24	2018	DBD	RAMAH PAVILION	C
25	2016	DBD	I-CONDO @ ONE FORESTA	C
26	2017	DBD	MAHSURI COURT	A
27	2017	DBD	MAHSURI COURT	B
28	2017	DBD	MAHSURI COURT	C
29	2017	DBD	PALA PALACE	A
30	2017	DBD	DUA RESIDENCI	B
31	2017	DBD	DUA RESIDENCI	C
32	2021	DBD	MERCURY / TELUK KUMBAR HEIGHT	B
33	2021	DBD	KUALA SG. PINANG	A
34	2021	DBD	CASSA ARA	A
35	2021	DBD	CASSA ARA	B
36	2021	DBD	310, 311, 312 & 10632 (SBHG LOT 451(LOT LAMA), MUKIM D BAGAN AIR ITAM, JALAN PRESTIJ 4, DBD	A
37	2018	DBD	PRESTIGE III	C
38	2017	DBD	FAIRVIE RESIDENCE	B
39	2017	DBD	FAIRVIE RESIDENCE	C
40	2018	DBD	TREE O	C
41	2021	DBD	HAVANA RESIDENCE	C

SEBERANG PERAI UTARA (SPU)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2008	SPU	TAMAN SRI DESA (KG. BESAR)	A
2	2008	SPU	TAMAN CHEMPEDAK (PADANG CHEMPEDAK)	A
3	2008	SPU	TAMAN SEPADU	A
4	2009	SPU	TAMAN MERBAU INDAH	A
5	2009	SPU	BERTAM PERDANA 3	A
6	2009	SPU	TAMAN AMPANG JAJAR	A
7	2010	SPU	TAMAN SENTRAL	A
8	2010	SPU	TAMAN MERBAU JAYA	A
9	2010	SPU	TAMAN SG. DUA UTAMA	A
10	2010	SPU	TAMAN PENAGA PERMAI	A
11	2011	SPU	PANGSAPURI SURIA	A
12	2011	SPU	TAMAN SEJAHTERA INDAH	A
13	2012	SPU	BERTAM PERDANA 3 FASA 13	A
14	2013	SPU	TAMAN SERI INDAH	B
15	2014	SPU	BERTAM PERDANA FASA II	A
16	2014	SPU	BANDAR PUTRA BERTAM	A
17	2014	SPU	BANDAR PUTRA BERTAM	B
18	2015	SPU	TAMAN BAYU AMAN	A
19	2016	SPU	DESA ARA	A
20	2017	SPU	LAMPAM	A
21	2018	SPU	PATIN	A
22	2018	SPU	MEKARSARI	A
23	2018	SPU	MEKARSARI	B
24	2018	SPU	THE PARK, MAK MANDIN	C
25	2018	SPU	BERTAM PERDANA 2 FASA 1D-1	A
26	2021	SPU	TAMAN DESA ARA PERMAI	A
27	2021	SPU	TAMAN DESA ARA PERMAI	C
28	2021	SPU	OREN SERDANG	A
29	2021	SPU	JIRAN RESIDENSI	B
30	2021	SPU	JIRAN RESIDENSI	C
31	2021	SPU	DESA ARA	A
32	2021	SPU	LEGASI BERTAM	A
33	2017	SPU	TAMAN PERDA INDAH	B
34	2017	SPU	TAMAN PERDA INDAH	C
35	2016	SPU	TAMAN PERDA INDAH	B
36	2018	SPU	TAMAN PERDA INDAH	C
37	2020	SPU	BELUM DIKEMUKAKAN	A
38	2022	SPU	BELUM DIKEMUKAKAN	A
39	2023	SPU	SCIENTEX FASA 1	C
40	2020	SPU	SCIENTEX FASA 2	C
41	2020	SPU	SCIENTEX FASA 3	C
42	2020	SPU	SCIENTEX FASA 4	C
43	2020	SPU	SCIENTEX FASA 5	C
44	2020	SPU	SCIENTEX FASA 6	C
45	2020	SPU	SCIENTEX FASA 7	C
46	2019	SPU	SENAMAS	C

SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2009	SPT	TAMAN NAGASARI	A
2	2009	SPT	TAMAN SRI DELIMA	A
3	2009	SPT	TAMAN BUKIT JURU	A
4	2009	SPT	TAMAN PAUH JAYA	A
5	2009	SPT	TAMAN PAUH FASA 1A	B
6	2010	SPT	DESA TITI PANJANG	A
7	2011	SPT	TAMAN GUAR PERAHU INDAH	A
8	2011	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III	A
9	2011	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III	A
10	2011	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III	A
11	2013	SPT	DESA IMPIAN	A
12	2014	SPT	SERI AKASIA	A
13	2014	SPT	PARK VIEW RESIDENCES	A
14	2014	SPT	RUMAH PANGSA TROPIKA	A
15	2014	SPT	SANCTUARY COURT	A
16	2015	SPT	HILLPARK RESIDENSI	A
17	2016	SPT	LAGUNA INDAH	B
18	2017	SPT	TAMAN LEMBAH INDAH	A
19	2017	SPT	TAMAN DESA PROMINANCE	A
20	2017	SPT	PERMATANG TOK SUBOH	A
21	2008	SPT	TAMAN PERWIRA INDAH	A
22	2008	SPT	PINGGIRAN ALMA	A
23	2008	SPT	TAMAN BUKIT JURU	A
24	2008	SPT	TAMAN BAYU MUTIARA	A
25	2018	SPT	PANGSAPURI HARMONI	A
26	2017	SPT	PERMATANG TOK SUBOH	A
27	2021	SPT	TAMAN MACHANG BUBUK FASA III BLOK C	A
28	2021	SPT	PR1MA @ PERMATANG PAUH	C
29	2021	SPT	WOODLANDS	C
30	2021	SPT	TAMAN LEMBAH PERMAI	A
31	2021	SPT	TAMAN NAGASARI A	A
32	2017	SPT	MACHANG BUBUK, MUKIM 15, SPT.	A
33	2017	SPT	PPA1M ALMA, JALAN SELADANG, MUKIM 15, SPT	C
34	2018	SPT	WAKAF SEETE AISHA FASA 2, SEBERANG JAYA, SPT	C
35	2018	SPT	PPA1M JALAN LESTARI, MUKIM 6	C
36	2021	SPT	DI ATAS LOT 31345, MUKIM 14, SPT	A
37	2017	SPT	D'PALMA	A
38	2021	SPT	JALAN SELADANG, MUKIM 15, SPT	A

SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)				
BIL.	TAHUN	DAERAH	PROJEK	JENIS RMKu
1	2008	SPS	TAMAN MERPATI INDAH	A
2	2009	SPS	TAMAN DATO' KRAMAT	A
3	2009	SPS	TAMAN PANCUR MUTIARA	A
4	2010	SPS	TAMAN JAWI RIA	A
5	2011	SPS	TAMAN TEKUKUR INDAH	A
6	2012	SPS	TAMAN SRI BISTAR	A
7	2012	SPS	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	A
8	2012	SPS	HALAMAN SEROJA	B
9	2012	SPS	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	B
10	2012	SPS	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	B
11	2013	SPS	TAMAN SERI SAUJANA	A
12	2014	SPS	TAMAN SERI PUTERA	A
13	2014	SPS	TAMAN PERDANA	A
14	2015	SPS	TAMAN SUNGAI JAWI FASA 1	A
15	2016	SPS	TAMAN PEKATRA INDAH	A
16	2016	SPS	SERI SAUJANA FASA 1K	A
17	2018	SPS	TAMAN HALAMAN INDAH	A
18	2018	SPS	TAMAN HALAMAN INDAH	B
19	2018	SPS	SURIA	B
20	2018	SPS	SURIA	C
21	2017	SPS	TAMAN SUNGAI JAWI	A
22	2017	SPS	TAMAN SUNGAI BAKAP PERDANA	A
23	2018	SPS	PANCHOR RESIDENCE	B
24	2021	SPS	KEPALA GAJAH	A
25	2017	SPS	BANDAR TASIK MUTIARA	A
26	2021	SPS	BANDAR TASIK MUTIARA B	A
27	2021	SPS	BANDAR TASIK MUTIARA C	A

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

15. Senaraikan jumlah pemilikan hartanah oleh warga asing di Pulau Pinang mengikut daerah, jenis hartanah dan nilai pasaran semasa.
- (a) Apakah dasar semasa Kerajaan Negeri berkaitan pembelian hartanah oleh warga asing?
 - (b) Apakah kaedah serta syarat kelulusan pembelian hartanah oleh mereka?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri menetapkan kuota maksimum atau had peratusan pemilikan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Berdasarkan rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2016 hingga 2025, sejumlah 4,331 unit hartanah telah dimiliki oleh bukan warganegara dengan jumlah nilai perolehan dianggarkan sebanyak RM7.1 bilion. Pentadbiran ini tidak mempunyai data nilai pasaran semasa hartanah tersebut. Data yang direkodkan oleh PTG adalah berdasarkan nilai perolehan hartanah yang dikemukakan oleh pemohon seperti yang dicatatkan di dalam Perjanjian Jual Beli yang telah disetemkan semasa permohonan dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Butiran terperinci adalah seperti **LAMPIRAN A** yang dilampirkan.

Analisis ringkas pemilikan hartanah oleh bukan warganegara berdasarkan Jadual 1:

- (i) Jumlah keseluruhan pemilikan oleh bukan warganegara (2016 hingga 2025): 4,331 unit dengan nilai perolehan RM7.1 bilion.
- (ii) Perbandingan jenis hartanah:
 - 1) Berstrata: 3,687 unit (85.1%)
 - 2) Landai: 644 unit (14.9%);
- (iii) Daerah tertinggi pemilikan:
 - 1) Timur Laut: 3,059 unit (70.6%)
 - 2) Diikuti oleh Barat Daya: 709 unit (16.4%);
- (iv) Purata nilai hartanah: RM1.64 juta seunit; dan
- (v) Anggaran peratus pemilikan asing:

Daripada kira-kira 650,000 hak milik tanah (300,000 hak milik landai dan 350,000 hak milik strata) di seluruh negeri, pemilikan oleh bukan warganegara hanyalah 0.67%, menunjukkan paras yang rendah dan terkawal.

- (a) Dasar semasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berpandukan Seksyen 433B Kanun Tanah Negara, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang (PLR) 2021 dan Garis Panduan Perolehan Hartanah oleh Warganegara Asing atau Syarikat Asing yang dikemaskini pada 1 Ogos 2024. Semua pembelian oleh bukan warganegara perlu mendapat kelulusan PBN di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara 1965 melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang.
Ringkasan utama dasar:

- (i) Jenis Hartanah Dibenarkan
- 1) Kediaman (tidak termasuk rumah kos rendah, sederhana rendah, mampu milik atau unit kuota Bumiputera);
 - 2) Perniagaan (tidak termasuk kedai kos rendah, gerai dan bengkel perkhidmatan);
 - 3) Perindustrian; dan
 - 4) Pertanian
- (ii) Larangan Pembelian Hartanah Lelong (Auction Property), warga asing atau syarikat asing tidak dibenarkan membeli hartanah melalui lelongan perintah mahkamah atau lelongan awam, melainkan dengan kelulusan khas PBN ;
- (iii) Had Harga Minimum;

Kawasan / Jenis Hartanah	Harga Minimum (RM)
Pulau – Berstrata	1,000,000
Pulau – Landai	3,000,000
Seberang Perai – Berstrata	500,000
Seberang Perai – Landai	1,000,000

- (iv) Program Malaysia My Second Home (MM2H) - dibenarkan maksimum dua (2) unit, setiap satu bernilai sekurang-kurangnya RM500,000;
- (v) Fi dan Levi:
- 1) Fi permohonan antara RM10,000 – RM40,000 setiap hak milik.

- 2) Levi kelulusan 1.5%–3% daripada nilai perolehan mengikut kawasan, jenis dan harga hartanah;
- (vi) Syarat Tambahan:
- 1) Hartanah tidak boleh dijual dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian jual beli.
 - 2) Kelulusan sah selama satu (1) tahun dan terbatal jika levi tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut; dan
- (vii) Semua urusan niaga tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri di bawah Seksyen 433B Kanun Tanah Negara.

Dasar ini digubal bagi mengawal pembelian oleh warga asing secara seimbang, melindungi kemampuan rakyat tempatan memiliki rumah, serta menarik pelaburan asing berkualiti tinggi dalam sektor hartanah negeri.

- (b) Permohonan dikemukakan oleh peguam berdaftar kepada PTG Pulau Pinang dan diproses berdasarkan:
- (i) Borang permohonan dan dokumen sokongan (hak milik, passport, perjanjian jual beli dan bukti kewangan) lengkap dan disahkan benar;
 - (ii) Nilai hartanah yang melepasi harga minimum;
 - (iii) Bayaran fi permohonan dan levi mengikut kategori hartanah; dan
 - (iv) Semakan serta kelulusan rasmi oleh Pihak Berkuasa Negeri.

- (c) Tiada kuota maksimum ditetapkan, namun kelulusan diberi secara teliti berpandukan dasar semasa dan pekeliling yang berkuatkuasa.

LAMPIRAN A

JADUAL 1: PEMILIKAN HARTANAH OLEH BUKAN WARGANEGARA ATAU SYARIKAT ASING DI PULAU PINANG
(2016--2025)

Daerah	Jenis Hartanah	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	Jumlah Unit (10 Tahun)	Nilai Perolehan Hartanah (RM)
Timur Laut	Hartanah Berstrata	228	367	326	359	184	111	153	306	298	377	2709	4,118,421,385.08
	Hartanah Landai	42	34	45	29	35	23	17	42	55	28	350	842,706,430.00
Barat Daya	Hartanah Berstrata	9	17	26	44	86	61	48	95	157	107	650	862,022,371.50
	Hartanah Landai	8	4	2	0	3	2	3	0	35	2	59	288,164,360.00
Seberang Perai Utara	Hartanah Berstrata	0	2	6	45	5	0	1	2	11	4	76	15,376,333.00
	Hartanah Landai	3	1	4	1	0	2	5	3	15	13	47	432,153,008.00
Seberang Perai Tengah	Hartanah Berstrata	2	1	0	2	3	1	10	8	35	7	69	39,303,834.00
	Hartanah Landai	3	12	5	8	12	4	6	12	17	12	91	218,502,116.26
Seberang Perai Selatan	Hartanah Berstrata	1	14	7	52	9	5	12	25	38	20	183	116,257,968.00
	Hartanah Landai	9	9	13	5	7	4	7	8	13	22	97	173,954,927.00
Jumlah		305	461	434	545	344	213	262	501	674	592	4331	7,106,862,732.84

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

16. Apakah insentif kerajaan kepada usahawan muda khususnya golongan B40?
- (a) Apakah jenis geran, jumlah maksimum dan tempoh program ditawarkan?
 - (b) Apakah akses pasaran, e-dagang dan padanan pembeli yang ditawarkan?
 - (c) Apakah kriteria kelayakan umur, pendapatan dan status perniagaan?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar dengan kerjasama pelbagai agensi negeri dan persekutuan, melaksanakan pelbagai program dan skim sokongan keusahawanan bagi memperkukuh penyertaan masyarakat dalam sektor ekonomi negeri. Program dan skim keusahawanan yang dilaksanakan memberi peluang kepada semua usahawan tempatan untuk menyertai, dengan keutamaan turut diberikan kepada golongan belia, B40, wanita dan usahawan luar bandar yang memenuhi syarat program masing-masing.

(a) Jenis Geran, Jumlah Maksimum dan Tempoh Program

Antara insentif utama yang ditawarkan ialah:

- (i) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan)
 - Dilaksanakan melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh negeri; dan
 - Menyediakan bantuan peralatan bernilai sehingga RM3,000.00 bagi membantu peniaga kecil dan usahawan mikro mengembangkan perniagaan sedia ada.
- (ii) Skim Pinjaman Harapan (SPH) oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
 - Menawarkan pinjaman mikro tanpa cagaran dan penjamin berjumlah RM5,000.00 hingga RM50,000.00;
 - Tempoh bayaran balik adalah sehingga 48 bulan (4 tahun) bergantung kepada jumlah pinjaman dan keupayaan peminjam; dan
 - Caj pengurusan dikenakan pada kadar yang berpatutan.
- (iii) *Market Access Grant* dan MSME Level Up Programme (MELUP) melalui Digital Penang Sdn. Bhd.
 - Menyediakan geran pembangunan pasaran bernilai sehingga RM20,000.00 bagi syarikat pemula dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS); dan
 - Tempoh pelaksanaan program antara enam (6) hingga 12 bulan bergantung kepada aktiviti pembangunan pasaran.

- (iv) Program Francais PERNAS oleh Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
- Menawarkan pelbagai skim seperti BEST-BYOB, Business In Transformation (BIT), Young Unity Entrepreneurs (YOUNITY) dan Women Entrepreneurs Empowerment Talent (SWEET); dan
 - Memberi peluang kepada belia dan wanita menceburi bidang francais dengan bantuan geran dan pembiayaan tanpa faedah.
- (v) Program Keusahawanan Luar Bandar (PREP) oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
- Menyediakan latihan, bimbingan dan bantuan peralatan kepada usahawan luar bandar melalui bimbingan berterusan dan peluang promosi di platform jualan.
- (vi) Geran Keusahawanan FAMA oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- Menawarkan pelbagai geran termasuk:
 - Geran Mikro Industri Asas Tani (IAT) – sehingga RM5,000.00;
 - Geran K-Shoppe – sehingga RM20,000.00;
 - Geran Agropreneur Muda (GAM) – RM20,000 hingga RM30,000.00;
 - Geran Change Upgrade Product (CUP) – sehingga RM60,000.00; dan
 - Geran High Impact Product (HIP) dan Geran Agrotourism – sehingga RM200,000.00.

- (vii) Program *NCER Entrepreneur Sustainable Transformation* (NEST) oleh Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)
 - Menyediakan geran padanan, latihan digital dan bimbingan mentor industri kepada usahawan mikro dan PMKS.
- (viii) Bantuan Modal Perniagaan oleh Zakat Pulau Pinang (MAINPP)
 - Menawarkan bantuan modal dalam bentuk tunai atau peralatan kepada asnaf fakir dan miskin yang menjalankan perniagaan kecil sebagai sumber pendapatan utama.

(b) Akses Pasaran, E-Dagang dan Padanan Pembeli

Pelbagai program turut dilaksanakan bagi membantu usahawan mengakses pasaran yang lebih luas dan meningkatkan keupayaan digital:

- Digital Penang memperkenalkan program seperti *Market Access Programme* dan MELUP, yang memberi pendedahan kepada usahawan tentang pemasaran digital, strategi e-dagang, serta peluang menembusi pasaran antarabangsa melalui program padanan pembeli (*business matching*);
- FAMA dengan kerjasama agensi negeri dan Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang turut menganjurkan Program Jelajah Usahawan Pulau Pinang di seluruh Malaysia serta membawa produk usahawan ke ekspo dan pameran antarabangsa seperti Malaysia Fest di Singapura;
- PERDA menyediakan platform PERDA Business Outlet (PBO) dan Expo PERDA (EXPERT) untuk memperkenalkan produk usahawan luar bandar; dan

- Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) membantu peserta Program NEST menembusi pasaran digital dengan sokongan mentor industri dan rakan strategik seperti SME Corp Malaysia dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

(c) Kriteria Kelayakan Umur, Pendapatan dan Status Perniagaan

Secara umum, semua program keusahawanan ini terbuka kepada rakyat Pulau Pinang tanpa mengira latar belakang, dengan keutamaan kepada golongan belia, wanita, B40 dan usahawan luar bandar.

Kriteria asas penyertaan adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia yang bermastautin di Pulau Pinang;
- Berumur antara 18 hingga 60 tahun;
- Menjalankan perniagaan aktif dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
- Mempunyai pendapatan rendah atau sederhana, serta menunjukkan potensi untuk mengembangkan perniagaan melalui latihan, bimbingan dan bantuan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, pelbagai inisiatif ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama agensi pelaksana dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan, memperluas akses pasaran dan meningkatkan pendapatan rakyat secara inklusif serta mampan selaras dengan aspirasi Penang2030.

Perincian lengkap bagi semua program dan skim keusahawanan boleh dirujuk di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

RINGKASAN PROGRAM DAN SKIM SOKONGAN KEUSAHAWANAN OLEH AGENSI BERKAITAN DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	PROGRAM MELALUI AGENSI	BUTIRAN PROGRAM (JENIS GERAN / PEMBIAYAAN)	AKSES PASARAN / SOKONGAN TAMBAHAN	KRITERIA KELAYAKAN UTAMA
1	Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Alatan) melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	Bantuan peralatan sehingga RM3,000 bagi peniaga kecil dan usahawan mikro untuk mengembangkan perniagaan sedia ada.	PDT turut menganjurkan program promosi komuniti serta pameran jualan bagi membantu memperluas pasaran produk tempatan.	Warganegara Malaysia bermastautin di Pulau Pinang, umur ≤60 tahun, pendapatan isi rumah <RM3,000, perniagaan aktif ≥1 tahun.
2	Skim Pinjaman Harapan (SPH) melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	Pinjaman mikro tanpa cagaran dan penjamin. Jumlah pinjaman antara RM5,000 hingga RM50,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 48 bulan. Caj pengurusan dikenakan pada kadar yang berpatutan.	Membantu usahawan mikro, belia dan wanita menambah modal kerja, memperkukuh aliran tunai dan mengembangkan perniagaan sedia ada.	Warganegara Malaysia, umur 21-60 tahun, perniagaan aktif ≥6 bulan, berdaftar dengan SSM atau PBT, tidak disenarai hitam.
3	Market Access Grant / MSME Level Up Programme (MELUP) melalui Digital Penang Sdn. Bhd.	Geran pembangunan pasaran bernilai sehingga RM20,000 bagi syarikat pemula dan PMKS untuk meningkatkan keupayaan pemasaran dan transformasi digital.	Melalui Market Access Grant & MELUP, peserta berpeluang mempelajari strategi digital, menemubusi pasaran antarabangsa dan menyertai program padanan pembeli (<i>business matching</i>).	Syarikat pemula atau PMKS yang berdaftar di Pulau Pinang, mempunyai produk atau perkhidmatan aktif dan potensi pasaran luar.

BIL.	PROGRAM MELALUI AGENSI	BUTIRAN PROGRAM (JENIS GERAN / PEMBIAYAAN)	AKSES PASARAN / SOKONGAN TAMBAHAN	KRITERIA KELAYAKAN UTAMA
4	Program Keusahawanan & Pembiayaan Francais melalui Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	Termasuk skim seperti BEST-BYOB (60% geran + 40% pembiayaan tanpa faedah), Program Business In Transformation (BIT), Skim YOUNITY, Skim SWEET dan Geran Inovasi & Teknologi Halal.	Menyediakan latihan francais, bimbingan operasi perniagaan dan promosi jenama francais tempatan di pasaran baharu.	Bumiputera 18-60 tahun, B40/belia/wanita, tidak muflis, memiliki lesen atau pra-francais sah.
5	Program Pembangunan Keusahawanan Luar Bandar (PREP) melalui Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Program bimbingan dan pemantauan bersepadu kepada usahawan luar bandar termasuk bantuan mesin dan peralatan.	Menyediakan peluang pasaran melalui PERDA Business Outlet (PBO) dan Expo PERDA (EXPERT) bagi memperkenalkan produk luar bandar.	Usahawan luar bandar berdaftar dengan PERDA, keutamaan kepada B40, produk aktif & dipasarkan.
6	Program Keusahawanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Menawarkan pelbagai skim seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Geran Mikro IAT (RM5,000) • Geran K-Shoppe (RM20,000) • Geran Agropreneur Muda (RM20,000-RM30,000) • Geran CUP (RM60,000) • Geran HIP & Agritourism (hingga RM200,000) 	FAMA bekerjasama dengan agensi negeri menganjurkan program Jelajah Usahawan dan penyertaan dalam ekspo antarabangsa seperti Malaysia Fest di Singapura bagi memperluas pasaran produk tempatan.	Usahawan kecil/mikro Industri Asas Tani (IAT) beroperasi ≥ 1 tahun, berdaftar dengan FAMA atau Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT), keutamaan belia, B40 dan agropreneur aktif.

BIL.	PROGRAM MELALUI AGENSI	BUTIRAN PROGRAM (JENIS GERAN / PEMBIAYAAN)	AKSES PASARAN / SOKONGAN TAMBAHAN	KRITERIA KELAYAKAN UTAMA
7	Program NEST & Centre of Entrepreneurship (CoE) melalui Northern Corridor Economic Region (NCER/NCIA)	Program NCER Entrepreneur Sustainable Transformation (NEST) memberi geran padanan, latihan digital dan bimbingan mentor industri untuk meningkatkan keupayaan perniagaan.	Peserta dibimbing dalam bidang pemasaran, pensijilan halal dan automasi bersama rakan strategik seperti SME Corp Malaysia, MDEC dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).	Usahawan mikro atau PMKS, belia, wanita atau B40 yang berdaftar dan mempunyai produk komersial aktif.
8	Bantuan Modal Perniagaan melalui Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	Bantuan modal tunai atau peralatan kepada asnaf fakir dan miskin yang menjalankan perniagaan sebagai sumber pendapatan utama.	Menyokong asnaf dalam membangunkan perniagaan kecil agar mampu berdikari dan keluar daripada kemiskinan.	Warganegara Malaysia, bermastautin di Pulau Pinang, berstatus asnaf fakir atau miskin, sihat & berkeupayaan berniaga, perniagaan aktif atau berpotensi maju.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

17. Apakah strategi menyeluruh memastikan bumiputera tidak ketinggalan terutama dalam ekonomi negeri?
- (a) Apakah jurang pendapatan, pemilikan aset dan penyertaan sektor mengikut data terkini?
 - (b) Apakah sasaran KPI tahunan yang ditetapkan?
 - (c) Bagaimanakah pemantauan dan pelaporan awam dilaksanakan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam memastikan masyarakat Bumiputera tidak ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi negeri, seiring dengan aspirasi Malaysia Madani dan agenda memperkukuh keseimbangan sosio ekonomi negara.

Pelbagai inisiatif strategik telah dilaksanakan melalui Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dalam memastikan Bumiputera di Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam pelbagai sektor termasuk sektor ekonomi. Antara strategi yang dilaksanakan di bawah MPBPP ialah dengan membangunkan:

- (i) Pelan Pembangunan Usahawan 2025-2030; dan

- (ii) Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Tahun 20262035 (PIPBPP35).

lanya merangkumi halatuju serta strategi yang jelas bagi memastikan penyertaan dan memperkasa Bumiputera Pulau Pinang secara menyeluruh termasuk sektor ekonomi.

- (a) Pendapatan isi rumah bulanan penengah Bumiputera di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan yang berterusan sepanjang tempoh 2019 hingga 2024.

Pada tahun 2019, pendapatan isi rumah penengah Bumiputera adalah sebanyak RM5,528.00, dengan peningkatan pada kadar 1.6% setahun bagi Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (Compound Annual Growth Rate, CAGR) kepada RM5,804.00 pada tahun 2022. Peningkatan ini terus kukuh dengan kadar pertumbuhan 6.7% (CAGR), menjadikan pendapatan isi rumah penengah Bumiputera sebanyak RM6,630.00 bagi tempoh 2019 sehingga 2024.

Sebagai perbandingan, kaum Cina merekodkan pendapatan isi rumah penengah sebanyak RM7,075.00 pada tahun 2019, meningkat 1.9% (CAGR) kepada RM7,489.00 pada tahun 2022, dan seterusnya meningkat 6.6% (CAGR) kepada RM8,542.00 pada tahun 2024.

Bagi kaum India, pendapatan isi rumah penengah meningkat daripada RM5,614.00 pada tahun 2019 kepada RM5,942.00 pada tahun 2022 dengan (CAGR) 1.9% dan seterusnya kepada RM6,872.00 pada tahun 2024 dengan (CAGR) 7.3%.

Dari sudut pendapatan isi rumah purata (mean), isi rumah Bumiputera meningkat daripada RM6,505.00 pada tahun 2019 kepada RM6,999.00 pada tahun 2022 dengan CAGR 2.4%, dan seterusnya kepada RM7,518.00 bagi 2024 dengan CAGR 3.6%.

Sementara itu, pendapatan isi rumah purata bagi isi rumah Cina meningkat daripada RM8,972.00 pada

tahun 2019 kepada RM9,464.00 bagi tahun 2022 dengan CAGR 1.8% dan kepada RM10,759.00 pada tahun 2024 dengan (CAGR) 6.4%.

Selain itu, pendapatan isi rumah purata bagi isi rumah India juga meningkat daripada RM6,866.00 pada 2019 kepada RM7,520.00 pada tahun 2022 dengan (CAGR) 3.0% dan RM8,207.00 pada tahun 2024 dengan (CAGR) 4.4%.

Peningkatan pendapatan isi rumah Bumiputera di Pulau Pinang bagi tempoh 2019 hingga 2024 menunjukkan perkembangan positif dan menggambarkan keberkesanan dasar pembangunan sosio ekonomi negeri yang inklusif. Walaupun jurang pendapatan antara kaum masih wujud, kadar pertumbuhan pendapatan Bumiputera yang lebih tinggi dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini menandakan daya tahan ekonomi dan peningkatan penyertaan Bumiputera adalah semakin kukuh.

Selain itu, data perbandingan mengikut negeri pada tahun 2024 telah merekodkan pendapatan isi rumah penengah Bumiputera di Pulau Pinang adalah lebih tinggi dan lebih baik jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Pendapatan isi rumah penengah Bumiputera bagi Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM6,630.00, diikuti dengan Terengganu sebanyak RM6,565.00, Negeri Sembilan sebanyak RM5,704.00, Pahang sebanyak RM5,052.00, Perlis sebanyak RM5,006.00, Kedah berjumlah RM4,913.00, Perak dengan jumlah RM4,893.00, Sabah sebanyak RM4,609.00 dan Kelantan sebanyak RM4,085.00.

- (b) Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang 2026–2035 (PIPBPP35) yang dilancarkan pada 19 Julai 2025 merupakan kesinambungan usaha Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dalam memperkasa serta memperluas penyertaan Bumiputera dalam pembangunan sosioekonomi negeri.

Pelan ini digubal bagi memastikan golongan Bumiputera terus berdaya saing dalam menghadapi perubahan

ekosistem dan landskap ekonomi semasa. Ia bertunjangkan tiga teras utama, iaitu Individu dan Masyarakat, Ekonomi, serta Tadbir Urus dan Dasar, yang menjadi asas kepada hala tuju pembangunan negeri.

PIBPPP35 merangka strategi pembangunan secara menyeluruh dan bersepadu bagi memantapkan kedudukan Bumiputera di Pulau Pinang, dengan pelaksanaan yang dipetakan mengikut sektor-sektor utama pembangunan negeri. Kejayaan pelan ini bergantung kepada komitmen dan kerjasama pelbagai pihak dalam merealisasikan aspirasi pembangunan Bumiputera yang inklusif, mampan dan berpaksikan kesejahteraan bersama.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menetapkan sasaran KPI tahunan, termasuk:

- (i) peningkatan bilangan PKS bumiputera yang berjaya meneroka pasaran baharu;
 - (ii) peningkatan penyertaan bumiputera dalam sektor strategik seperti elektrik & elektronik, perkhidmatan global (GBS), dan teknologi digital; dan
 - (iii) pertambahan pemilikan hartanah dan aset ekonomi oleh bumiputera secara berperingkat setiap tahun.
- (c) Pelan Induk Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang 2026–2035 (PIBPPP35) telah digubal oleh Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai rakan penyelidik, bersama Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

MPBPP bernaung di bawah ICU, JPM, manakala BPPBPP berperanan sebagai urusetia kepada MPBPP.

Seterusnya, Jawatankuasa Kerja MPBPP bertanggungjawab membantu pelaksanaan fungsi serta tanggungjawab MPBPP dalam memastikan agenda pemerkasaan Bumiputera di Pulau Pinang dapat direalisasikan dengan berkesan.

Selain itu, pemantauan pelan ini akan merangkumi 161 inisiatif program yang merentasi 8 sektor pelaksanaan iaitu:

- (i) Modal insan, wanita dan belia;
- (ii) Pendidikan, Rohani dan Jasmani serta TVET;
- (iii) Hartanah, Perumahan dan Aset Bumiputera Pulau Pinang;
- (iv) Ekonomi, Industri dan Sumber Baharu;
- (v) Keusahawanan, Ekuiti dan Koperasi;
- (vi) Pertanian dan Rantaian Makanan;
- (vii) Pelancongan, Warisan dan Budaya; dan
- (viii) Pangkalan Data Bumiputera Pulau Pinang dan Tadbir Urus Digital.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

18. Apakah rancangan kerajaan mewujudkan inkubator usahawan dan hab perniagaan digital di daerah tanpa pusat keusahawanan?
- (a) Di manakah lokasi keutamaan dan apakah kriteria pemilihan tapak?
 - (b) Bilakah garis masa pelaksanaan dari perolehan hingga operasi bermula?
 - (c) Berapakah kos, sumber peruntukan dan model pembiayaan yang digunakan?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar komited memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri melalui pelaksanaan program pembangunan digital dan keusahawanan komuniti.

Pada masa ini, tiada perancangan untuk mewujudkan inkubator atau hab perniagaan digital baharu secara fizikal. Namun, Kerajaan Negeri telah memanfaatkan Pusat NADI Komuniti Digital (Pusat NADI) sebagai hab digital komuniti bagi melaksanakan pelbagai inisiatif digital dan latihan keusahawanan di seluruh negeri.

Pusat NADI Komuniti Digital ialah inisiatif di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang menyediakan kemudahan internet serta latihan literasi dan keusahawanan digital kepada komuniti luar bandar.

Bermula suku pertama tahun 2025, Digital Penang telah memanfaatkan rangkaian Pusat NADI di seluruh negeri untuk melaksanakan program berteraskan digital bagi memperkasa masyarakat dengan kemahiran teknologi dan perniagaan dalam talian. Setakat ini, program tersebut telah dilaksanakan di 21 Pusat NADI dan beberapa pusat KADUN di seluruh Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri akan menilai keperluan mewujudkan pusat fizikal baharu berdasarkan keperluan dan permintaan setempat. Selain itu, Penang SME Centre di Bayan Lepas berfungsi sebagai pusat sehati bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapatkan ruang operasi, kemudahan industri dan bimbingan perniagaan. Model ini dijadikan rujukan sekiranya pembangunan pusat keusahawanan baharu dipertimbangkan pada masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

19. Apakah pelan jangka masa melahirkan atlet kebangsaan dan antarabangsa?
- (a) Senaraikan jenis permainan yang akan menjadi tumpuan.
 - (b) Apakah strategi pengenalpastian bakat dan laluan pembangunan atlet?
 - (c) Sejauh manakah kemudahan latihan bertaraf kebangsaan/ antarabangsa dinaik taraf? Senaraikan usaha yang dijalankan.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Pelan strategik Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bagi melahirkan atlet kebangsaan dan antarabangsa yang sedang dilaksanakan adalah seperti:
- (i) Mengenal pasti bakat atlet dan mengelaskan mereka kepada beberapa sukan yang tertentu. Para atlet ini ini diletakkan di bawah Program Bakat dan Pelapis MSNPP;
 - (ii) Menyediakan khidmat jurulatih secara sambilan kepada sukan-sukan yang berpotensi bagi memastikan latihan atlet dapat dijalankan mengikut teknik serta cara yang betul;

- (iii) Para atlet diberi bantuan untuk mewakili negeri menyertai mana-mana kejohanan bagi menilai prestasi atlet tersebut;
- (iv) Atlet yang berkelayakan akan disenaraikan oleh MSNPP dan Persatuan Sukan Negeri untuk mewakili negeri ke SUKMA; dan
- (v) Atlet yang mempunyai prestasi yang baik di SUKMA, akan ditawarkan untuk memasuki kem latihan kebangsaan bagi mewakili negara di peringkat antarabangsa.
- (a) Antara sukan yang diberi tumpuan bagi memastikan kejayaan di peringkat antarabangsa terutamanya peringkat Olimpik adalah seperti berikut:
 - (i) Akuatik-Renang;
 - (ii) Badminton;
 - (iii) Berbasikal;
 - (iv) Memanah;
 - (v) Olahraga; dan
 - (vi) Skuasy

Selain itu, sukan lain seperti Angkat Berat, Gimnastik Artistik, Judo, Karate, Lawn Bowls, Menembak, Pelayaran, Ping Pong, Tenpin Bowling dan Wushu juga turut diberi perhatian kerana mampu mengharumkan nama negeri dan negara.

- (b) MSNPP dengan kerjasama Persatuan Sukan Negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) sentiasa menilai prestasi atlet-atlet baharu. Program mengenal Pasti Bakat (TID) yang dilaksanakan di institusi pendidikan pada setiap tahun dilaksanakan mengikut keperluan sukan tertentu. Atlet yang mempunyai bakat akan diserap masuk ke Program Bakat dan Pelapis MSNPP untuk terus diberi latihan yang khusus, seterusnya dibawa mewakili negeri ke SUKMA.
- (c) Kerajaan Negeri melalui agensi dan jabatan yang berkaitan sentiasa komited dalam membina dan menaiktaraf kemudahan fasiliti sukan di Pulau Pinang. Antara contoh fasiliti sukan yang bertaraf antarabangsa telah siap dibina adalah seperti Akademik Billiard dan

Snuker Bayan Lepas yang mana hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi pengangjur utama sukan tersebut semasa Sukan SEA 2027.

Selain itu, fasiliti sukan lain yang dinaik taraf juga adalah bertaraf kebangsaan dan antarabangsa seperti Kolam Renang DSA, Seberang Jaya, Pembaikan Stadium Negeri Pulau Pinang, Kompleks Sukan Sony Seberang Jaya dan sebagainya lagi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

20. Apakah jumlah peruntukan sukan akar umbi dari tahun 2022 sehingga kini?
- (a) Bagaimanakah peruntukan diagih mengikut daerah dan sukan keutamaan?
- (b) Apakah keberkesanan program sukan akar umbi yang dibiayai?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) melalui geran yang diperuntukan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia telah menyalurkan perbelanjaan pembangunan sukan akar umbi/bakat/pelapis/pembangunan Sukan Olimpik seperti berikut:

Jenis Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)
Program Bakat dan Pelapis Tahun 2022	488,500.00
Program Bakat dan Pelapis Tahun 2023	632,000.00
Program Bakat dan Pelapis Tahun 2024	703,211.75
Program Bakat, Pelapis dan Olimpik Tahun 2025	1,540,000.00

- (a) Peruntukan untuk pembangunan sukan akar umbi akan diagihkan dan disalurkan melalui Persatuan Sukan Negeri kepada jenis sukan yang tersenarai dalam program akar umbi yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Pihak Persatuan perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada MSNPP selaku pengawai pengawal peruntukan berkenaan bagi menyertai sebarang kejohanan peringkat tempatan atau penganjuran program pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang.

Bagi bantuan bayaran elaun jurulatih yang melatih atlet-atlet, peruntukan akan terus disalur kepada jurulatih yang berkenaan. Jurulatih berkenaan juga telah diberikan kontrak lantikan sebagai jurulatih sukan di bawah MSNPP.

- (b) Program pembangunan sukan akar umbi yang dibiayai ini memberi kesan yang sangat baik di mana atlet yang berlatih di bawah inisiatif ini akan berpeluang untuk diserap masuk ke dalam program latihan seterusnya dan berpeluang mewakili Pulau Pinang ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA).

Selain itu, atlet-atlet berkenaan juga akan terpilih untuk mewakili pasukan atlet di bawah Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Atlet-atlet yang layak juga akan diserap ke dalam pasukan remaja kebangsaan untuk diberi pendedahan mewakili pasukan remaja negara menyertai kejohanan di luar negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

21. Apakah pelan naik taraf fasiliti sukan di luar bandar untuk tahun ini?
- (a) Di manakah lokasi keutamaan dan apakah justifikasinya?
 - (b) Bagaimanakah penyelenggaraan dan operasi selepas naik taraf dijamin?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam merangka pelan fasiliti sukan di luar bandar melalui permohonan Pejabat Khidmat ADUN / Parlimen, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta cadangan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk diselaraskan bersama agensi berkaitan. Usaha ini adalah bertujuan untuk memberi tumpuan kepada peningkatan kemudahan sukan komuniti agar lebih inklusif dan selamat.
- (a) Antara pelan naik taraf yang telah dilaksanakan ialah gelanggang bola keranjang, trek jogging, padang awam, gelanggang sepak takraw, taman permainan, pemasangan lampu di kawasan rekreasi dan tandas. Lokasi keutamaan untuk naik taraf adalah di atas tanah kerajaan (kawasan lapang) dan seliaan fasiliti di bawah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Kriteria pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepadatan penduduk, kekerapan penggunaan fasiliti yang tinggi, kemudahan yang sangat uzur dan potensi kawasan

yang menjadi tumpuan komuniti setempat dan juga berdasarkan permohonan.

- (b) Bagi menjamin keberkesanan dan pembangunan sukan yang mampan adalah dengan mengemukakan cadangan peruntukan penyelenggaraan tahunan dan pemantauan berkala daripada PDT, MPKK dan persatuan yang berkaitan bagi memastikan fasiliti berada dalam keadaan baik dan digunakan secara optimum oleh komuniti. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan fasiliti tersebut tertakhluk kepada peruntukan yang diperolehi oleh PDT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

22. Apakah dasar sokongan kerajaan kepada kelab sukan belia dan NGO sukan yang aktif?
- (a) Apakah bantuan kewangan, peralatan dan penggunaan fasiliti yang disediakan?
 - (b) Bagaimanakah kelayakan ditentukan untuk memohon?
 - (c) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri untuk Kejohanan Piala Mas yang akan diadakan pada tahun ini di Pulau Pinang?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Sukan telah meletakkan satu visi di dalam Penang2030 bagi meningkatkan penyertaan masyarakat, terutamanya golongan belia dalam aktiviti sukan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM350,000.00 kepada mana-mana persatuan sukan untuk melaksanakan program sukan di negeri ini.

Bukan itu sahaja, mana-mana permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh Persatuan Sukan Negeri yang berdaftar secara sah bersama dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan bernaung di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) boleh mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan secara bertulis kepada MSNPP, bagi tujuan penyertaan atau

penganjuran kejohanan yang berlandaskan kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi.

Selain daripada sokongan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) telah melaksanakan program Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Geran Padanan Sukan (GPS) bagi menyokong penganjuran acara sukan pelbagai peringkat dari antarabangsa sehingga peringkat komuniti.

- (a) Peruntukan Sukan Massa berjumlah RM150,000.00 telah diperuntukkan kepada kelab sukan dan belia bagi penganjuran program pembangunan sukan di peringkat komuniti dan masyarakat setempat.

Selain itu, melalui Jawatankuasa MMK Sukan, sejumlah RM350,000.00 telah diperuntukkan untuk dimohon oleh mana-mana persatuan sukan dan belia bagi melaksanakan program pembangunan sukan.

Bagi DSK, sejumlah 93 permohonan telah diluluskan setakat Jendela 6 dengan jumlah RM1,198,000.00 yang memanfaatkan acara sukan dengan jumlah penyertaan 22,858 peserta. Manakala untuk GPS, Negeri Pulau Pinang telah menerima sejumlah RM1,165,000.00 melalui 17 permohonan bagi menganjurkan acara sukan dalam bentuk geran padanan.

- (b) Bagi permohonan di bawah peruntukan MSNPP, kelayakan permohonan tertakluk kepada persatuan yang berdaftar dan sah di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia serta program yang bakal dianjurkan hendaklah bertujuan untuk membangunkan sukan peringkat komuniti dan masyarakat setempat serta memenuhi kriteria lain yang ditetapkan oleh pihak pelulus.

Manakala, bagi peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Sukan, kelayakan yang ditetapkan adalah persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) atau Pendaftar Pertubuhan Belia, serta mestilah bertujuan bagi pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang.

Bagi GPS yang merupakan inisiatif KBS yang bertujuan memberi peluang kepada badan sukan berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) dan kelab/persatuan belia berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS) memohon dana bagi menganjurkan program sukan bagi sukan prestasi tinggi dan impak tinggi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara.

Bagi DSK adalah inisiatif KBS untuk memberi bantuan bagi penganjuran program pembangunan sukan di peringkat komuniti kepada persatuan/pertubuhan kelab yang berdaftar dengan PJS atau ROY.

- (c) Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah memperuntukkan sejumlah RM8,000.00 dibawah Geran Sukan Komuniti kepada Persatuan Bola Sepak Melayu Pulau Pinang bagi penganjuran Piala Bola Sepak Emas Raja-Raja 2025 yang berlangsung pada 10 hingga 12 Oktober 2025 di Pulau Pinang dan Kedah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

23. Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam membanci literasi al-Quran di sekolah rendah dan menengah negeri ini?
- (a) Apakah penilaian keberhasilan pengurangan buta al-Quran?
 - (b) Berapakah peruntukan dari tahun 2023 sehingga kini untuk mengurangkan bilangan buta Al-Quran?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Berikut adalah pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dalam membanci dan meningkatkan literasi Al-Quran di sekolah rendah dan menengah:
- (i) Penilaian penguasaan bacaan Al-Quran murid dijalankan secara berterusan melalui sistem rekod tasmik dengan matlamat untuk memastikan semua murid Islam dapat Khatam Al-Quran sebelum tamat persekolahan Tahun Enam (6) yang dilaksanakan dibawah Program Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab, dan Fardu Ain (j-QAF);
 - (ii) Kem Literasi Al-Quran iaitu program pemulihan intensif yang dilaksanakan di sekolah rendah khususnya untuk

murid yang masih di tahap penguasaan Iqra' 1 hingga Iqra' 6 atau yang lemah dalam bacaan Al-Quran. Kem ini menggunakan modul khas untuk mengatasi masalah keciciran bacaan Al-Quran dalam tempoh yang singkat;

- (iii) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), menyediakan sokongan kepada institusi pendidikan Islam (termasuk Sekolah Agama Rakyat dan Kelas KAFA) yang mana pelajar-pelajar ini turut menyumbang kepada statistik literasi Al-Quran di negeri; dan
- (iv) Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP menyokong program-program keagamaan tambahan seperti mahrajan, pertandingan atau seminar yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan kecintaan murid terhadap al-Quran sekali gus memperkukuh literasi al-Quran murid.
- (a) Penilaian keberhasilan pengurangan buta al-Quran yang dilaksana oleh Kerajaan Negeri di peringkat rendah dan menengah adalah seperti berikut;

Peringkat sekolah rendah:

- (i) Pentaksiran **Program Memperkasa JAWI dan al-Quran** kepada semua pelajar sekolah rendah agama dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang dilaksana di awal sesi pembukaan sekolah; dan
- (ii) Keputusan **Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK)** pelajar tahun lima (5) setiap di peringkat rendah bagi menilai tahap kemahiran, kebolehan, dan penghayatan pelajar dalam bidang pengajian Islam seperti Al-Quran, ibadah (amali solat), dan penghayatan cara hidup Islam.

Peringkat Menengah:

- (i) Keputusan peperiksaan **Sijil Menengah Agama (SMA)** bagi pelajar tingkat empat (4) dengan menggunakan Kurikulum al-Azhari;
- (ii) Keputusan peperiksaan **Sijil Tinggi Agama (STA)** bagi pelajar tingkatan enam (6) dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD); dan
- (iii) Keputusan peperiksaan **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** bagi pelajar tingkatan enam (6) dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Berkaitannya, Kerajaan Negeri telah melaksana kurikulum agama dan program pengukuhan al-Quran di semua sekolah Islam Pulau Pinang dengan tujuan untuk membasmi murid yang tidak menguasai (buta) al-Quran di Pulau Pinang.

- (b) Peruntukan untuk program dan aktiviti mengurangkan bilangan murid yang tidak menguasai (buta) Al-Quran dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM BASMI BUTA AL-QURAN	JUMLAH 2023 (RM)	JUMLAH 2024 (RM)	JUMLAH 2025 (RM)
1	Program Pemerkasaan Jawi Dan Al-Quran Dan Program Menggapai Kecemerlangan UPKK	290,000.00	290,000.00	290,000.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

24. Apakah status semasa kadar murid yang menunaikan solat lima waktu di Negeri Pulau Pinang?
- (a) Apakah bentuk intervensi yang dilaksanakan bagi meningkatkan pematuhan solat lima waktu?
 - (b) Bagaimanakah peranan imam, masjid setempat dan PIBG diselaraskan dalam usaha ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Solat Lima (5) waktu telah menjadi keutamaan kepada semua sekolah dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini berdasarkan kepada program yang telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Surau atau musolla telah digunakan secara maksimum dalam menjadikan solat fardhu sebagai salah satu pengajaran di sekolah dan menjadikan solat berjemaah di waktu zohor sebagai salah satu aktiviti harian sekolah.
- (a) Berikut adalah bentuk intervensi yang dilaksanakan di Pulau Pinang dalam meningkatkan solat lima (5) waktu di Negeri Pulau Pinang:
 - (i) Modul latihan khusus - Kem Bestari Solat (KBS) : Pembangunan modul pembelajaran praktikal

tentang tatacara, adab dan kefahaman solat (bahan latihan, lembaran kerja, aktiviti praktikal). Modul seperti ini digunakan untuk melatih murid dan guru agar solat lebih betul dan berdikit-dikit menjadi kebiasaan di sekolah;

- (ii) Program solat berjemaah/jadual solat di sekolah: Pengaturan waktu khusus di sekolah (contoh zohor berjemaah), penggiliran kelas atau tahun untuk ke surau, dan sesi solat berjemaah yang dipantau guru atau Ahli Jawatankuasa (AJK) tarbiah sekolah. Banyak kertas kerja dan amalan sekolah mencadangkan pelaksanaan solat berjemaah sebagai rutin;
- (iii) Asrama/program tarbiah berterusan (SMKA & SABK): Program tarbiah asrama termasuk solat berjemaah, qiamullail, tadarus, bacaan ma'thurat, usrah dan modul pembangunan sahsiah dengan tujuan untuk membiasakan amalan ibadat harian kepada pelajar asrama;
- (iv) Peningkatan fasiliti ibadat (surau/ruang solat, kelengkapan wuduk): Penyediaan/penambahbaikan surau, bilik wuduk, papan jadual waktu solat dan logistik (telekung, sejadah) untuk memudahkan pelajar menunaikan solat di sekolah. Pihak agama negeri dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang terlibat dalam usaha penyelarasan fasiliti;
- (v) Latihan dan pembangunan guru (guru Pendidikan Islam/pembimbing): Latihan pedagogi solat kepada guru, kursus pengukuhan nilai/adab (unit Adab & Nilai) dan pembinaan tenaga pemimpin rohani (takmir/guru takmir) untuk memimpin dan memantau amalan solat di sekolah;
- (vi) Kerjasama antara JPN, jabatan agama dan badan bukan kerajaan (NGO)/Yayasan: Program bersama seperti sesi bimbingan, kem atau aktiviti komuniti yang melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang untuk menyampaikan ceramah, modul dan sokongan moral. Contohnya kerjasama

dilaporkan antara JPN Pulau Pinang dan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP); dan

- (vii) Penglibatan ibu bapa & komuniti sekolah: Kempen kesedaran kepada ibu bapa, mesyuarat bersama dan makluman tentang kepentingan solat supaya sokongan di rumah dan sekolah selari untuk menjadikan pematuhan solat sebagai usaha bersama. (Digalakkan dalam panduan program tarbiah/kem sekolah).

- (b) Penglibatan PIBG dan Masjid dalam menggalakkan solat di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Imam/Jawatankuasa Masjid:

- 1) Memimpin dan menjadi jurulatih rohani (taklimah, tazkirah, bimbingan solat & adab)
- 2) Menyediakan tenaga pengajar (imam atau bilal) untuk program solat berjemaah, ceramah dan program apresiasi solat.
- 3) JPN Pulau Pinang telah menjadikan beberapa masjid sebagai hub pendidikan untuk memudahkan dan menggalakan murid mendekati masjid terutamanya dalam solat 5 waktu.

- (ii) Masjid setempat/Jawatankuasa Masjid:

- 1) Menyediakan ruang/kemudahan untuk aktiviti luar sekolah (program singgah solat, lawatan pembelajaran), membantu penyediaan modul agama komuniti;
- 2) Menggalakkan program “singgah solat/solat berjemaah” dan aktiviti tarbiah yang melibatkan pelajar seperti menyediakan RM5.00 setiap kali pelajar hadir solat subuh. Contohnya, pihak Masjid Jamek Shaik Eusoff telah melaksanakannya hampir 3 tahun.

(iii) Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG):

- 1) Memfasilitasi penglibatan ibu bapa untuk membantu menyediakan logistik (pengangkutan, pembiayaan kecil untuk sejadah/telekung, penganugerahan) dan menjadi jambatan komunikasi antara sekolah serta komuniti/masjid;
- 2) Menjalankan kempen kesedaran di kalangan ibu bapa tentang kepentingan solat lima (5) waktu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

25. Apakah status kes Eksploitasi Seksual Komersial Kanak-kanak (ESKK) melibatkan murid di Pulau Pinang? Senaraikan bilangan kes yang disahkan mengikut daerah dari tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Apakah pelan pencegahan dan intervensi awal di sekolah?
 - (b) Apakah perlindungan serta pemulihan mangsa kanak-kanak?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

25. ESKK merupakan salah satu inisiatif dibawah Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang yang dikelola oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Unit Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) dan Unit Siasatan Jenayah Kanak-Kanak Internet Malaysia, dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Bagi tempoh tahun 2022 hingga 31 Oktober 2025, sejumlah 28 kes Eksploitasi Seksual Komersial Kanak-kanak (ESKK) telah direkodkan di Pulau Pinang. Senarai bilangan kes mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Bagi pelan pencegahan dan intervensi awal di sekolah, sekiranya terdapat murid yang terlibat, intervensi akan dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bilangan 13 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan Eksploitasi Seksual Komersial Kanak-Kanak (ESKK) boleh dilapor melalui emel aduanskmm@mcmc.gov.my, portal [https:// aduan. mcmc. gov.my](https://aduan.mcmc.gov.my), atau di balai polis berhampiran.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) tidak terlibat secara langsung dalam kes ESKK, namun memainkan peranan penting dalam melaksanakan intervensi awal terhadap kes penderaan fizikal, seksual dan emosi yang dilaporkan. Antara inisiatif yang dijalankan ialah Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak, yang telah dilaksanakan sejak tahun 2024 hingga 2025 melibatkan 50 buah sekolah di seluruh negeri. Program ini bertujuan meningkatkan kefahaman murid mengenai penderaan serta mempromosikan saluran aduan Talian Kasih 15999. Sehingga 31 Oktober 2025, lebih 5,000 kanak-kanak telah menerima manfaat daripada program ini.

- (b) Bagi perlindungan dan pemulihan mangsa, pihak sekolah turut bertanggungjawab memaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sekiranya terdapat aduan atau pengesanan kes salah laku seksual melibatkan murid.

Apabila menerima laporan, Pegawai JKM akan mengambil tindakan segera bagi memastikan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terbabit. Antara langkah yang dilaksanakan termasuk penyelamatan dan perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), penempatan sementara di Tempat Selamat, serta pemulihan melalui sesi kaunseling dan terapi psikososial bagi membantu mangsa pulih dalam persekitaran yang selamat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

26. Apakah statistik kes buli di sekolah dari tahun 2020 hingga 2025 mengikut daerah, sekolah dan jenis buli?
- (a) Nyatakan bilangan kes yang telah diambil tindakan tegas mengikut kategori.
- (b) Senaraikan kadar pengulangan pesalah serta lokasi panas bagi kes buli tersebut.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Statistik Kes Buli Mengikut Daerah

DAERAH	TAHUN						JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN- 21/10/25)	
TL			2	11	11	8	32
BD		1	1	3	2	5	12
SPU	1			4	8	8	21
SPT				4	3	1	8
SPS	1		1	1	8	9	20
JUMLAH	2	1	4	23	32	31	93

*Sumber PDRM

Rujukan:

TL : Daerah Timur Laut

BD : Daerah Barat Daya

SPU : Daerah Seberang Perai Utara

SPT : Daerah Seberang Perai Tengah

SPS : Daerah Seberang Perai Selatan

- (a) Menurut rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, dari tahun 2020 sehingga 2025 sebanyak 93 kes telah dibuka kertas siasatan oleh pihak PDRM dan 17 kes daripadanya telah dituduh di Mahkamah.
- (b) Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang tiada kadar pengulangan pesalah serta lokasi panas bagi kes buli dilaporkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

27. Apakah saluran aduan rasmi kes buli di sekolah (fizikal / digital) yang dilaksanakan di Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan SOP pengendalian aduan termasuk perlindungan pelapor / mangsa daripada pembalasan.
 - (b) Nyatakan tatacara penempatan sementara mangsa / tertuduh dan tempoh masa keputusan setiap peringkat.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang Saluran Aduan Rasmi Kes Buli di Sekolah berdasarkan Perenggan 4.2(a) Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 12 Tahun 2023, aduan salah laku buli boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

- (i) Fizikal:
 - 1) Membuat atau merujuk suatu aduan salah laku buli terus kepada pihak pentadbiran atau mana-mana guru di institusi pendidikan; dan
 - 2) Memasukkan aduan bertulis ke dalam peti aduan yang disediakan di institusi pendidikan.

(ii) Digital

- 1) Mengemukakan aduan salah laku buli terus kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Portal Aduan Buli KPM; dan
 - 2) Semua aduan yang diterima hendaklah direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) sebagai saluran rasmi pelaporan dan pemantauan kes disiplin.
- (a) *Standard Operating Procedure (SOP) Pengendalian Aduan dan Perlindungan Pelapor/Mangsa* menurut Perenggan 4.3 SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023, apabila aduan salah laku buli diterima atau diketahui, Pengetua/Guru Besar (PGB) hendaklah dalam tempoh 24 jam mengambil tindakan seperti berikut :
- (i) Menghubungi ibu bapa atau penjaga murid yang terlibat (pelaku dan mangsa);
 - (ii) Menghantar dan mengiringi murid yang mengalami kecederaan fizikal atau gangguan emosi ke klinik atau hospital kerajaan/ One Stop Crisis Centre (OSCC) untuk pemeriksaan;
 - (ii) Merekodkan aduan dalam SSDM (Sistem Sahsiah Diri Murid);
 - (iii) Melengkapkan laporan awal mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7 Tahun 2011: SOP 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid; dan
 - (v) Mengemukakan laporan awal kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk disampaikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM.

Perenggan 4.3(b) turut menetapkan bahawa jika ibu bapa atau penjaga mangsa tidak mengambil peduli, pihak sekolah boleh memberikan maklumat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat di bawah Seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001 bagi memastikan perlindungan terhadap mangsa. Semua maklumat pelapor dan mangsa dikendalikan secara sulit dan dilindungi daripada sebarang pembalasan.

(b) Tatacara Penempatan Sementara dan Tempoh Masa Keputusan berdasarkan Perenggan 4.4 hingga 4.7 SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023, tatacara pengendalian kes buli ditentukan mengikut status laporan:

(i) Kes Dilaporkan kepada Polis:

- 1) PGB hendaklah mengemukakan semua dokumen berkaitan kepada PDRM seperti laporan disiplin SSDM, kehadiran, akademik dan perkembangan murid;
- 2) Murid yang ditahan oleh polis direkodkan dalam SSDM, dan ketidakhadiran mereka bukan kesalahan disiplin;
- 3) Sepanjang siasatan polis berjalan tiada tindakan disiplin boleh diambil oleh pihak sekolah sehingga keputusan mahkamah diperolehi; dan
- 4) Walau apa pun keputusan mahkamah Pengetua / Guru Besar (PGB) hendaklah memastikan pelaku, mangsa dan saksi menjalani intervensi pemulihan bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK).

(ii) Kes Tiada Laporan Polis Dibuat

Berdasarkan Perenggan 4.5 SPI Bil. 12/2023, langkah tatacara adalah seperti berikut :

- 1) Melantik Guru Penyasat untuk menjalankan siasatan segera dan mengemukakan laporan kepada PGB;
- 2) Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) mencadangkan tindakan disiplin yang wajar berdasarkan hasil siasatan;
- 3) Jawatankuasa Disiplin mengesyorkan tindakan lanjut (rotan, gantung sekolah atau buang sekolah);
- 4) PGB membuat pengesahan tindakan disiplin dalam SSDM;
- 5) Perjumpaan tertutup dengan ibu bapa/penjaga pelaku bagi memaklumkan kesalahan dan hukuman;
- 6) Jika timbul pertikaian Jawatankuasa Permuafakatan boleh ditubuhkan oleh PGB untuk penyelesaian dalaman;
- 7) Tindakan disiplin dilaksanakan selepas keputusan dimuktamadkan; dan
- 8) Intervensi pemulihan dijalankan kepada mangsa, pelaku dan saksi oleh GBK.

(iii) Tempoh Masa Mengikut SOP : Peringkat Tindakan/
Proses Tempoh Masa:

- 1) Penerimaan aduan Laporan awal dan maklum kepada ibu bapa dalam masa 24 jam;

- 2) Siasatan awal oleh Guru Penyiasat mendapatkan bukti dan laporan dalam 1 hingga 3 hari;
- 3) Pertimbangan Jawatankuasa Disiplin cadangan tindakan kepada PGB Dalam 7 hari selepas laporan;
- 4) Pelaksanaan tindakan disiplin dan intervensi pemulihan pelaku dan mangsa oleh GBK sehingga selesai;
- 5) Rayuan kepada Pendaftar oleh ibu bapa pelaku dalam 3 hari selepas keputusan; dan
- 6) Semua sekolah di bawah KPM termasuk di Pulau Pinang tertakluk kepada pelaksanaan SPI KPM Bil. 12 Tahun 2023 bagi memastikan:
 - a) Saluran aduan rasmi (fizikal dan digital) dapat diakses oleh semua pihak;
 - b) Aduan dikendalikan secara sulit dan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
 - c) Perlindungan terhadap pelapor dan mangsa dijamin di bawah peruntukan undang-undang; dan
 - d) Intervensi pemulihan dilaksanakan bagi membina semula kesejahteraan emosi murid serta mewujudkan ekosistem sekolah yang selamat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

28. Bagaimanakah kerajaan memastikan kes buli di asrama disiasat secara telus tanpa sebarang campur tangan atau keistimewaan, susulan insiden seperti kes Zara Qairina?
- (a) Apakah langkah bagi memulihkan keyakinan serta mempromosikan sekolah berasrama, termasuk kempen keselamatan, penetapan standard warden, audit asrama dan KPI penyertaan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memandang serius setiap insiden salah laku buli yang berlaku di institusi pendidikan terutamanya di sekolah-sekolah berasrama. Seajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan persekitaran sekolah yang selamat, beradab dan kondusif, JPNPP melaksanakan tindakan berpandukan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bilangan 12 Tahun 2023 : Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah KPM.

SPI ini menjadi asas kepada semua sekolah di Pulau Pinang dalam mengurus kes buli secara telus, berstruktur dan bebas daripada campur tangan seperti berikut:-

- (a) Menjadi asas panduan pengurusan salah laku buli;

- (b) Menjelaskan secara terperinci definisi, jenis, faktor dan implikasi salah laku buli;
- (c) Menerangkan peranan jawatankuasa pengurusan salah laku buli; dan
- (d) Menjelaskan tatacara pengurusan kes salah laku buli, tindakan disiplin dan intervensi salah laku buli.

Bagi memastikan ketelusan dalam siasatan setiap kes buli di asrama, JPNPP melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) Pelaksanaan Tatacara SPI Bil. 12 Tahun 2023
 - (1) Semua sekolah berasrama di bawah JPNPP diwajibkan melaksanakan siasatan mengikut garis panduan SPI Bil. 12/2023;
 - (2) Siasatan dijalankan oleh Guru Penyiasat yang dilantik dan hasil siasatan dilaporkan kepada Pengetua/Guru Besar serta Jawatankuasa Disiplin Sekolah; dan
 - (3) Semua laporan kes direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) dan dikemukakan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk pemantauan lanjut oleh Sektor Pembangunan Murid JPNPP.
- (ii) Penglibatan Agensi Penguat Kuasa
 - (1) Bagi kes yang mempunyai elemen jenayah, sekolah wajib memaklumkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
 - (2) Langkah ini memastikan siasatan dilaksanakan secara profesional, bebas dan tanpa sebarang keistimewaan kepada mana-mana pihak.
- (iii) Saluran Aduan Terbuka dan dipantau untuk memperkukuh ketelusan dan akses kepada pelaporan kes, JPNPP turut memaklumkan kepada sekolah serta

komuniti tentang saluran rasmi aduan buli yang disediakan oleh KPM iaitu :-

- (1) SISPAA KPM: <https://moe.spab.gov.my/>
- (2) Hotline KPM: 03-8884 9325
- (3) *WhatsApp*: 014-800 9325
- (4) E-mel: adubuli@moe.gov.my
- (5) Peti Aduan Sekolah: Disediakan di setiap institusi pendidikan.

Aduan yang diterima akan disiasat secara langsung oleh pegawai di peringkat KPM, JPNPP atau PPD untuk memastikan tiada unsur penyembunyian atau manipulasi laporan di peringkat sekolah.

(iv) Program "Terjah Asrama" di Pulau Pinang:

Sebagai langkah pencegahan dan pemantauan lapangan, JPNPP melaksanakan Program Terjah Asrama di semua sekolah berasrama di negeri ini seperti:-

- (1) Lawatan mengejut (spot check) dilaksanakan oleh pegawai JPNPP, PPD, dan PDRM;
- (2) Pemeriksaan ini menilai tahap keselamatan, disiplin, kebajikan, dan pematuhan SOP pengurusan asrama;
- (3) Program ini turut berperanan mendidik warden dan penghuni asrama tentang tanggungjawab serta budaya "asrama selamat, beradab dan bebas buli".

(a) Antara langkah Kerajaan Negeri melalui JPNPP adalah seperti berikut:

- i) Penganjuran hari terbuka asrama untuk memberi ruang kepada masyarakat melihat lebih dekat kehidupan di asrama;

- ii) Penetapan KPI asrama pada tahap 80% bagi menggalakkan usaha pihak sekolah menarik minat murid untuk tinggal di asrama;
- iii) Audit asrama, penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan di asrama membantu menarik minat murid untuk tinggal di asrama. Kemudahan yang kondusif dapat menarik minat di kalangan murid untuk tinggal di asrama;
- iv) Lantikan warden yang mencukupi mengikut kadar yang ditetapkan mampu memberi impak positif terhadap pengawasan murid di asrama. Kadar lantikan warden asrama di sekolah Pulau Pinang adalah menepati kadar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Warden baharu yang dilantik perlu mengikuti kursus dan taklimat berkaitan pengurusan tugas sebagai warden di asrama. Lantikan warden asrama dari kalangan guru. Warden dari kalangan guru lebih berkesan untuk mengurus dan membentuk sahsiah serta disiplin murid kerana lebih memahami akan kemenjadian murid bagi sesebuah sekolah; dan
- v) Pemasangan CCTV telah diperluaskan kesemua asrama. Pihak KPM telah menyediakan kemudahan CCTV untuk asrama-asrama terpilih dan proses pemasangan sedang dilaksanakan. Pihak sekolah juga digalakkan menggunakan peruntukan sedia ada untuk pemasangan CCTV di asrama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB MOHAMAD SHUKOR BIN ZAKARIAH**

29. Memandangkan RUU URA masih belum berkuat kuasa, apakah undang-undang yang diguna pakai bagi projek PSB Mahsuri?
- (a) Bagaimanakah pelaksanaan naik taraf infrastruktur akan dilaksanakan memandangkan kawasan tersebut berdekatan dengan kawasan yang sering mengalami banjir kilat?
 - (b) Nyatakan garis masa pelaksanaan projek ini mengikut fasa.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

29. Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri (KN) untuk membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak lagi ekonomik untuk didiami. Selain itu, Projek PSB ini adalah bertujuan untuk meningkatkan imej, reka bentuk bandar dan kualiti hidup masyarakat bandar serta merupakan produk utama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2021–2025 dan Pelan Induk Perancangan Pembangunan LPNPP 2026–2030.

Pada masa kini, terdapat enam (6) skim perumahan/flat lama yang telah disenaraikan sebagai Projek PSB yang melibatkan tanah milikan tunggal (sole proprietor) seperti *State Secretary, Penang* (SSI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Satu (1) daripada Projek PSB tersebut adalah Projek PSB Mahsuri,

Bayan Lepas di atas Lot 2319 – 2325, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Projek PSB Mahsuri ini dilaksanakan berpandukan Garis Panduan PSB (Pembangunan Perumahan) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 9/2022 pada 20 September 2022.

Selain itu, LPNPP turut merujuk kepada akta-akta sedia ada sebagai rujukan dalam pelaksanaan Projek PSB seperti berikut:

- (i) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318];
 - (ii) Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757];
 - (iii) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
 - (iv) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486];
 - (v) Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 [Akta 118]; dan
 - (vi) Kanun Tanah Negara [Akta 828].
- (a) Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf infrastruktur di kawasan PSB Mahsuri yang berdekatan dengan lokasi sering berlaku banjir kilat akan dilaksanakan dengan mengambil kira faktor keselamatan, kejuruteraan dan keadaan geografi setempat. Bagi tujuan tersebut, KN melalui agensi teknikal yang berkaitan terutamanya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan kajian terperinci tapak bagi mengenal pasti punca utama berlakunya banjir serta tahap keberkesanan sistem saliran sedia ada. Hasil kajian ini akan dijadikan asas dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan secara berfasa. Antara komponen utama yang akan dilaksanakan termasuk penambahbaikan sistem perparitan dan saliran, pembinaan longkang baharu, kolam takungan sementara serta pemasangan perangkap sampah (silt trap) bagi mengawal aliran air hujan. Pemantauan berkala juga akan dilakukan bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan mengikut piawaian kejuruteraan, tidak menjejaskan alam

sekitar serta mampu mengurangkan risiko banjir kepada penduduk setempat.

Selain itu, pihak JPS turut mewajibkan supaya semua pembangunan baharu perlu mematuhi beberapa garis panduan yang digunapakai oleh pihak jabatan seperti Garis Panduan JPS: Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai, Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai, pematuhan kepada kelulusan Pelan Kawalan Hakisan Tanah dan Sedimentasi (ESCP), Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan di Kawasan Pantai dan lain-lain termasuk arahan-arahan semasa yang dikeluarkan melalui Pekeliling-Pekeliling JPS. Laporan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam juga akan digunakan sebagai bahan rujukan bagi sebarang pembangunan yang melibatkan sistem saliran. Kajian ini adalah berkesan sekiranya semua pihak mengguna pakai sepenuhnya hasil laporan kajian ini.

- (b) Pada asalnya, Mahsuri *5 Points Block* terdiri daripada enam (6) blok bangunan rumah pangsa kos rendah setinggi lima (5) tingkat yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di atas tanah KN pada tahun 1981. Ia merangkumi 360 unit kediaman yang berkeluasan antara 248 sehingga 527 kaki persegi. Walau bagaimanapun, satu (1) blok bangunan yang merangkumi 60 unit kediaman telah dirobuhkan oleh pihak PDC atas pengesahan struktur bangunan tersebut lemah dan tidak lagi selamat untuk diduduki. Dengan mengambil kira usia bangunan-bangunan tersebut yang telah mencecah 40 tahun, pihak Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah mengambil inisiatif untuk membangunkan semula kawasan tersebut sebagai Projek PSB. Cadangan pembangunan Projek PSB Mahsuri ini terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu Fasa 1 yang mengandungi pembangunan satu (1) unit blok bangunan gantian yang merangkumi 300 unit kediaman. Manakala Fasa 2 pula merangkumi pembangunan bercampur termasuk unit-unit Rumah MutiaraKu (RMKu). Garis masa bagi kedua-dua fasa pembangunan adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

GARIS MASA BAGI PEMBANGUNAN FASA 1 DAN FASA 2		
PERINCIAN	GARIS MASA FASA 1	GARIS MASA FASA 2
Kebenaran Merancang (KM)	November 2024	Jun 2027
Kebenaran Memulakan Kerja (COW) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Januari 2025	Ogos 2027
Milikan Kosong (VP)	Jun 2027	September 2031

**Jadual 1 : Garis Masa Bagi Pembangunan PSB
Mahsuri Fasa 1 dan Fasa 2**